

**PERSOALAN SOLAT
ANDA MUSYKIL,
MUFTI MENJAWAB**

**PERSOALAN SOLAT,
ANDA MUSYKIL MUFTI MENJAWAB**

Fadhilah Dr. Ali Jumaat
Mufti Mesir

Penterjemah

Haji Jainal Sakiban Al-Jauhari

Cetakan Pertama: 2012M/1434H

Hakcipta terpelihara.

ISBN 978-967-0288-03-1

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian isi kandungan buku ini dalam apa bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman dan lain-lain sebelum mendapat izin daripada pihak penerbit

Diterbitkan oleh:

Majlis Agama Islam Negeri Johor
Jalan Masjid Abu Bakar, Karung Berkunci 725,
80990 Johor Bahru
Johor Malaysia

Dicetak oleh:

Affa Trend Publication

**PERSOALAN SOLAT
ANDA MUSYKIL
MUFTI MENJAWAB**

Penterjemah

Haji Jainal Sakiban Al-Jauhari

PRAKATA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَالصَّلَاةُ
وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Alhamdulillah, saya bersyukur kehadiran Allah SWT kerana diberi peluang untuk memberikan sepatah dua kata dalam siri baru 'Penjelasan' siri pertama.

Tajuk-tajuk yang dibincangkan dalam risalah ini merupakan tajuk yang berkaitan secara langsung dengan masyarakat yang memerlukan jawapan yang padat dan tepat. Oleh yang demikian, fatwa Mufti Mesir, Sohibus Samahah Dr. Ali Jumaat dalam (الْبَيَانُ لِمَا يَشْغَلُ الْأَذْهَانَ) 'Penjelasan mengenai persoalan yang mengganggu pemikiran' telah dipilih untuk dikemukakan, supaya ianya dapat menjawab berbagai persoalan yang sering ditanyakan oleh masyarakat kepada Jabatan Mufti.

Diharapkan risalah ini dapat membantu masyarakat Islam merungkai berbagai persoalan yang berkaitan dengan solat dengan lebih tepat, yakin dan mantap. Sekian.

(DATO' HAJI M. TAHRIR BIN DATO' HAJI SAMSUDIN)
Mufti Negeri Johor.

1 Disember 2012

INTISARI KANDUNGAN

SOALAN	PERKARA	HAL
1.	Hukum solat di atas kubur dan solat di masjid yang ada padanya makam / kubur	7
2.	Hukum Qunut di dalam solat Subuh ...	23
3.	Hukum mengucap Saiyidina di dalam atau di luar solat	33
4.	Bilangan sebenar rakaat Solat Tarawih	44
5.	Hukum memperdengarkan bacaan Al-Quran melalui kaset bagi mengumpulkan jemaah solat Jumaat	57
6.	Betulkah azan dua kali dalam solat Jumaat itu bid'ah?	59
7.	Adakah sampai pahala membaca Al-Quran kepada si mati di atas kubur?..	64
8.	Hukum bersalaman selepas solat berjemaah	68

SOALAN	PERKARA	HAL
9.	Hukum takbir di hari raya	73
10.	Hukum mengadakan mihrab masjid ...	78
11.	Hukum kaum wanita solat Tarawih dan solat fardhu di masjid	80
12.	Hukum membaca Al-Quran dalam solat dengan melihat mushaf	82
13	Rujukan	85

Soalan 1

Adakah harus solat di atas kubur dan apakah hukum solat di masjid yang ada padanya makam atau kubur, adakah yang demikian itu boleh dianggap menjadikan kubur sebagai masjid?

Jawab

Sesungguhnya masalah masjid yang ada padanya makam atau kubur merupakan masalah cabang fiqah yang dimanipulasi oleh mereka yang jahil dan suka membangkitkan fitnah untuk memecah-belahkan umat Islam. Perkara ini boleh menyebabkan timbulnya perselisihan

faham dan dakwaan golongan tersebut dengan gelaran tertentu menyebabkan golongan pertama menuduh golongan kedua sebagai mengamalkan bid'ah atau syirik dan sebagainya. Kami sebenarnya ingin menyatukan perbezaan pendapat dalam persoalan ini semoga Allah membukakan mata yang buta dan telinga yang pekak.

Persoalan ini mengandungi beberapa isu berbeza yang menyebabkan berlakunya kesamaran dalam menanganinya. Bila kita membahaskan perkara ini, ia tidak

akan sampai ke mana. Justeru di sini kami akan menjelaskan perkara-perkara tersebut satu persatu, iaitu:

1. Solat di kawasan kubur.
2. Solat di masjid yang di dalamnya terdapat makam atau kubur.
3. Menjadikan kubur sebagai masjid.

PERTAMA: SOLAT DI PERKUBURAN

Kubur merupakan tempat menyemadikan jasad si mati. Ia dihormati dari segi syara' demi memuliakan si mati. Lantaran itu para fuqaha' (ahli fiqah) sepakat menghukumkan makruh memijak atau berjalan di atas kubur si mati. Ini disebabkan Nabi SAW melarang memijak kubur.¹ Walau bagaimana pun, mazhab Maliki mengatakan hukumnya adalah makruh jika sekiranya kubur itu telah didirikan bangunan di atasnya. Mazhab Syafi'e dan Hambali pula mengecualikan memijak kubur jika kerana hajat iaitu jika sekiranya tidak boleh sampai ke kubur si mati kecuali dengan memijak kubur yang lain.

Hukum Solat

1. Mengenai hukum solat di kawasan perkuburan, Mazhab Hanafi menghukumkan makruh solat di situ, ini dijelaskan oleh As-Thauri dan al-Auza'ie, kerana tempat ini

¹ At-Tirmizi, 4/133; dan Tabrani dalam al-Aushat, hal. 153.

dibimbangi terdapat najis dan ianya juga menyerupai dengan perbuatan orang Yahudi. Kecuali jika sekiranya di perkuburan itu disediakan tempat untuk bersolat, tiada kubur di situ dan tiada najis, maka tidak mengapa solat di situ.

2. Mazhab Maliki pula menghukumkan harus solat di atas kubur sama ada didirikan bangunan di atasnya atau telah ditinggal lama atau telah digali semula dan dipindahkan atau tidak, sama ada kubur orang Islam atau orang kafir.

3. Mazhab Syafi'e mengatakan:

(i). Tidak sah solat di atas kubur yang dapat dipastikan telah digali atau dipindahkan tanpa ada hilaf ulama, kerana tanahnya telah bercampur dengan darah dan danur si mati. Ini jika tidak dihamparkan sesuatu di bawahnya, tetapi jika di hamparkan sesuatu di bawahnya, maka makruh hukumnya.

(ii). Adapun jika pasti kubur itu tidak digali atau dipindahkan, maka sah solatnya tanpa ada hilaf ulama, kerana bahagian yang digunakan untuk bersolat itu suci, tetapi hukumnya adalah makruh tanzih yang perlu dielakkan, kerana ia tempat menyimpan najis.

(iii). Adapun jika sekiranya diragui kubur itu tidak digali semula atau dipindahkan, maka terdapat dua pendapat:

- i. Pendapat yang paling asah²: Sah solatnya tetapi makruh, kerana pada asalnya bumi itu suci, maka tidak boleh dihukumkan najis tanah itu dengan kerana kita syak atau tidak yakin.
 - ii. Pendapat yang berlawanan dengan yang asah³: Tidak sah solatnya, kerana pada asalnya kekal hukum haram itu pada tempatnya (kerana tidak sah solat di perkuburan yang telah digali semula), walhal dalam situasi ini dia hanya syak bahawa kubur itu tidak digali semula. dan hukum ini tidak boleh digugurkan dengan syak.
4. Mengikut mazhab Hambali: Tidak sah solat di atas kubur sama ada kubur lama atau baru, berulang kali digali semula atau pun tidak. Tidak mengapa solat jika hanya terdapat satu atau dua kubur sahaja kerana ia bukan diistilahkan sebagai kawasan perkuburan, kerana perkuburan itu mempunyai tiga kubur dan lebih daripada itu. Diriwayatkan daripada ulama mazhab Hambali bahawa kawasan perkuburan itu termasuk kawasan sekitarnya dan tidak boleh dijadikan tempat untuk solat. Mereka

² Al-Asah maksudnya: Menunjukkan di sana ada dua wajah atau lebih oleh al-Ashab yang bersumber dari Imam As-Syafi'e. Jika kuat khilaf, pendapat yang lebih kuat di antara pendapat-pendapat itu dikenali sebagai pendapat yang asah. Manakala pendapat yang lainnya dianggap sebagai sohih.

³ Muqabi al-asah ialah As-Sohih maksudnya: Menunjukkan di sana ada dua wajah atau lebih oleh al-Ashab yang bersumber dari Imam As-Syafi'e. Jika lemah khilaf, maka pendapat yang kuat di antara pendapat-pendapat itu dikenali sebagai pendapat yang sohih. Manakala pendapat yang lainnya dianggap sebagai dhaif.

mengatakan lagi, tidak mengapa solat di atas tempat yang mayat tersebut disemadikan di dalam rumah sekalipun melebihi tiga mayat, kerana ia bukan dinamakan kawasan perkuburan.

Inilah pendapat ahli fiqah mengenai solat di atas kubur tanpa mengaitkan masalah solat di masjid yang berjiran dengan makam.

KEDUA: SOLAT DI MASJID YANG ADA MAKAM DI DALAMNYA

Adapun solat di masjid yang ada padanya makam salah seorang para nabi atau orang yang soleh, hukumnya sah dan digalakkan hingga kadang sampai ke peringkat disunatkan. Hukum ini berdasarkan beberapa dalil daripada al-Quran dan sunnah, amalan para sahabat dan ijmak ulama yang melakukannya.

Daripada al-Quran, firman Allah SWT:

فَقَالُوا ابْنُوا عَلَيْهِم بُيُوتًا رَبُّهُمْ أَعْلَمُ بِهِمْ قَالَ الَّذِينَ غَلَبُوا عَلَىٰ
أَمْرِهِمْ لَنَتَّخِذَنَّ عَلَيْهِم مَّسْجِدًا ﴿١١﴾

*"Setelah itu maka (sebahagian dari) mereka berkata:
"Dirikanlah sebuah bangunan di sisi gua mereka, Allah*

jualah yang mengetahui akan hal ehwal mereka". orang-orang yang berkuasa atas urusan mereka (pihak raja) pula berkata: "Sebenarnya kami hendak membina sebuah Masjid di sisi gua mereka". (Al-Kahfi, 21)

Ayat yang dijadikan hujah berdasarkan kisah Ashabul Kahfi ketika mereka ditemui oleh orang awam, setengah mereka mencadangkan supaya dibina bangunan sebagai peringatan, manakala yang lain berkata, kami akan mendirikan masjid di tempat ini.

Bentuk ayat ini menunjukkan yang pertama adalah ungkapan orang musyrik dan kedua ungkapan orang Islam yang mentauhidkan Allah SWT. Tidak dinafikan bahawa ayat ini mengungkapkan dua pendapat yang berbeza. Andainya pada kedua-dua ungkapan ini menunjukkan perkara yang betul, nescaya akan terdapat selepasnya ayat yang menunjukkan ianya tidak betul dengan apa juga ungkapan. Dengan disebutnya dua pendapat itu menunjukkan kedua-duanya selari dengan syara', malahan cadangan orang muwahiddun (orang Islam) itu diungkap dengan cara yang terpuji. Keadaan ini dapat dilihat tentang ungkapan golongan musyrik yang meragukan, sedangkan ungkapan muwahiddun adalah secara putus untuk menjadikan tempat itu sebagai masjid yang lahir daripada keimanan mereka. Bukan maksud mereka semata-mata mendirikan binaan sahaja, tetapi apa yang mereka mahukan ialah mendirikan masjid di tempat tersebut. Ungkapan ini menunjukkan

bahawa mereka beriman kepada Allah SWT dan mengakui tentang ibadat dan solat.

Imam Ar-Razi berkata dalam mentafsirkan ayat (لَتَتَّخِذَنَّ عَلَيْهِمْ مَسْجِدًا): supaya kami menyembah Allah SWT di dalamnya dan untuk mengekalkan kesan Ashabul Kahfi dengan sebab adanya masjid di situ.⁴

As-Syaukani berkata: Dengan disebutkan perkataan “untuk menjadikan masjid” itu memberikan tanggapan bahawa mereka yang menyatakan sedemikian adalah orang Islam yang beriman. Ada pendapat mengatakan, mereka yang mengatakan sedemikian itu adalah dari kalangan keluarga sultan dan raja yang memerintah kaum tersebut, merekalah yang mempertahankan Ashabul Kahfi daripada mereka yang memusuhinya. Pendapat yang pertama adalah lebih diterima.⁵

Az-Zujjaji berkata: Ini menunjukkan apabila Ashabul Kahfi itu hidup semula selepas mati beratus tahun lamanya, benarlah kepercayaan orang yang beriman tentang hari dibangkitkan semula selepas mati, kerana masjid disebutkan dalam al-Quran adalah khas bagi orang-orang yang beriman. Ayat ini disebutkan secara khusus tentang masalah pembinaan masjid di atas kubur.

⁴ Tafsir ar-Razi, 11/106, Darul Fikr 1415H / 1995M.

⁵ Fathul Qadir, 3/277, 'Alamul Kutub.

Dalil daripada sunnah ialah hadis Abi Bashir yang diriwayatkan oleh Abdul Razak daripada Ma'mar daripada Muhammad bin Muslim bin Syihab az-Zuhri, daripada 'Urwah bin Az-Zubair daripada Al-Miswar bin Makhramah dan Marwan bin al-Hakam kedua-duanya berkata: Bahawa Abu Bashir memeluk agama Islam selepas peperangan Hudaibiyah, beliau pergi ke Saiful Bahr dan menemui Abu Jandal bin Suhail bin 'Amru yang juga telah memeluk Islam, beliau bergaul dengan orang-orang Islam hingga bilangannya mencecah tiga ratus orang ramainya dan Abi Bashir bersolat dengan mereka. Beliau berkata: Allah yang Maha Tinggi lagi Maha Besar, sesiapa yang menolong Allah dia akan mendapat pertolongan.

Apabila Abu Jandal bertemu dengannya, beliau dilantik menjadi pemimpin perang, mereka mengambil unta-unta saudagar yang melalui kawasan mereka dan membunuh tuannya, maka orang Quraisy mengutus surat kepada Nabi SAW memintanya dengan bersumpah dan simpati, lalu dikirim kepada mereka, maka sesiapa yang datang kepada engkau daripada mereka maka dia dijamin keselamatannya. Lalu Rasulullah SAW menulis surat kepada Abi Jandal dan Abi Bashir supaya kedua-duanya dan orang Islam yang bersama-sama dengan mereka supaya mereka datang kepada beliau dan bergabung di negeri mereka dan keluarga mereka, lalu diberikan surat Rasulullah SAW kepada Abi Jandal, manakala Abi Bashir pula telah meninggal dunia sedangkan surat daripada Nabi berada ditanganya, maka Abi Jandal mengebumikannya

ditempat beliau meninggal dunia, dan dibina di atas kubunya sebuah masjid.⁶

Adapun amalan yang dilakukan para sahabat, maka jelas dapat disaksikan semasa disemadikan jasad Rasulullah SAW dan mereka berselisih faham mengenainya, ini telah diceritakan oleh Imam Malik r.a. ketika beliau menyebutkan perselisihan yang berlaku di kalangan sahabat mengenai tempat dikebumikan jasad Nabi SAW. Orang ramai mengatakan, disemadikan di depan mimbar dan yang lain mengatakan, disemadikan di Baqi'. Apabila datang Abu Bakar, beliau berkata: Aku mendengar daripada Rasulullah SAW bersabda: Para nabi disemadikan di tempat mana beliau wafat, lalu digali di tempat tersebut dan disemadikan baginda di situ.⁷

Dari situ boleh diambil dalil, bahawa para sahabat Rasulullah SAW mencadangkan baginda disemadikan di hadapan mimbar yang memang berada di dalam masjid, tidak ada seorangpun dari kalangan para sahabat yang menolak cadangan tersebut, malahan Abu Bakar r.a. menolak cadangan tersebut bukan kerana haram disemadikan Nabi di dalam masjid, tetapi ia kerana

⁶ Ibn Abdel Bar menyebutkannya dalam kitab *al-Isti'ab*, 4/1614; Pengarang *ar-Raudul Anfi*, 4/59; *Abi Sa'ad* dalam kitab *at-Thobaqatil Kubra*, 4/134; Pengarang *as-Sirah al-Halabiyah*, 2/720; Dan diriwayatkan juga oleh *Musa bin 'Aqabah* dalam kitab *al-Maghazi*, *Ibn Ishaq* dalam kitab *as-Sirah*; Kitab *Maghazi* *Musa bin 'Aqabah* adalah dari kitab sirah yang paling tepat (ashah); Imam Malik memberikan komentar mengenainya: Hendaklah kamu berpegang dengan kitab *Al-Maghazi*, seorang yang soleh, *Musa bin 'Uqbah*, ia merupakan kitab mengenai peperangan yang paling ashah; *Yahya bin Mu'in* berkata: Kitab *Musa bin 'Uqbah* daripada *Az-Zuhairi* merupakan kitab mengenai peperangan yang paling ashah.

⁷ *Al-Muattha'*, 4/231.

melaksanakan perintah Nabi SAW supaya baginda disemadikan di tempat baginda wafat.

Apabila kita meneliti tempat disemadikan baginda, kita dapati bahawa baginda wafat di dalam bilik Aisyah r.a. Bilik tersebut adalah bersambung dengan masjid yang digunakan solat oleh orang-orang Islam. Kedudukan bilik dengan masjid yang berhampiran itu sama seperti masjid yang bersambung dengan bilik yang terdapat di dalamnya makam salah seorang wali pada zaman kita ini yang makamnya bersambung dengan masjid, dan orang ramai solat di dalam masjid di sebelah luar makam.

Terdapat di sana orang yang mempertikaikan pendapat ini sambil berkata: Ini adalah khusus bagi Nabi SAW. Untuk menolak dakwaan tersebut, jika dikatakan pengkhususan hukum ini hanya bagi Nabi SAW sahaja, maka ia memerlukan kepada dalil. Pada asasnya, bahawa hukum tersebut adalah umum selama tidak terdapat dalil yang mengkhususkannya, di sini tidak ada dalil yang membuktikan demikian, maka tertolaklah pengkhususan sebagaimana yang didakwa dalam persoalan ini dan tertolaklah pendapat mereka yang menganggap ini khusus bagi Nabi SAW.

Jawapan untuk persoalan tersebut ialah, bahawa bilik Aisyah inilah yang dijadikan tempat persemadian Abu Bakar dan selepas beliau Umar Al-Khattab. Bilik ini bersambung dengan masjid. Adakah pengkhususan tersebut melibatkan Abu Bakar dan Umar sekali? Para sahabat, mereka solat di

masjid yang bersambung dengan bilik yang terdapat tiga makam. Aisyah tinggal di dalam bilik tersebut dan melakukan solat fardhu dan solat sunat juga di situ. Bukankah ini dianggap sebagai ijma' kepada amalan para sahabat?

Sebahagian daripada ijma' ummah secara amali dan persetujuan para ulamanya mengenai perkara tersebut ialah orang-orang Islam dahulu dan sekarang melakukan solat di Masjid Nabawi dan masjid ini di dalamnya terdapat makam yang tidak boleh dinafikan sama sekali. Ini juga termasuk persetujuan para ulama dari kalangan ahli-ahli fiqah yang tujuh di Madinah yang telah sepakat memasukkan bilik Aisyah itu ke Masjid Nabawi walaupun terdapat tiga makam. Tidak ada di kalangan mereka yang menentang perkara ini kecuali Said bin al-Musaiyab, penentangannya itu bukanlah kerana haram solat di masjid yang ada padanya makam perkuburan, tetapi penentangannya itu kerana beliau mahukan supaya bilik Nabi SAW kekal dalam bentuknya yang sedia ada untuk tatapan umat Islam supaya mereka tertarik untuk mengamalkan zuhud di dunia dan mereka mengetahui bagaimana Nabi mereka menjalani kehidupan seharian.

TIGA: MENJADIKAN KUBUR SEBAGAI MASJID

Larangan tentang menjadikan kubur sebagai masjid bukanlah mengenai perkara yang kita bincangkan iaitu membina masjid yang ada makam di dalamnya sama ada bersambung atau tidak bersambung dengan masjid. Daripada Aisyah r.a. berkata: Rasulullah SAW bersabda: Allah melaknat orang Yahudi dan Nasrani yang menjadikan kubur para nabi mereka sebagai masjid.⁸ Di dalam riwayat Imam Muslim ditambah: Kubur para nabi dan orang-orang yang soleh dari kalangan mereka.⁹

Para ulama bukan memahami hadis ini dengan maksud melarang membina masjid yang bersambung dengan makam para nabi atau orang yang soleh. Akan tetapi mereka mentafsirkan menjadikan kubur itu sebagai masjid dengan tafsiran yang betul iaitu menjadikan kubur itu sendiri sebagai tempat untuk sujud dan orang sberujud kepada mereka yang ada di dalam kubur kerana beribadat kepadanya sebagaimana yang dilakukan oleh orang Yahudi dan Nasrani. Ini dijelaskan dalam firman Allah:

أَتَّخِذُوا أَحْبَارَهُمْ وَرُهَبَانَهُمْ أَرْبَابًا مِّن دُونِ اللَّهِ وَالْمَسِيحَ ابْنَ مَرْيَمَ

⁸ Riwayat Bukhari dalam Sohihnya, 1/446; dan Muslim dalam Sohihnya, 1/376, hadis yang disepakati oleh ulama hadis.

⁹ Riwayat Muslim dalam Sohihnya, 1/377.

مَرِيَمَ وَمَا أُمِرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا إِلَهًا وَاحِدًا لَّا إِلَهَ إِلَّا هُوَ سُبْحٰنَهُ
عَمَّا يُشْرِكُونَ

“Mereka menjadikan pendita-pendita dan ahli-ahli agama mereka sebagai pendidik-pendidik selain dari Allah, dan juga (Mereka memPERTUHANKAN) Al-Masih Ibnu Maryam, padahal mereka tidak diperintahkan melainkan untuk menyembah Tuhan Yang Maha Esa; tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia. Maha Suci Allah dari apa yang mereka sekutukan.” (At-Taubah, 31)

Inilah yang dimaksudkan dengan sujud yang dilaknat oleh Allah itu; atau menjadikan kubur sebagai kiblat tidak disyariatkan seperti apa yang dilakukan oleh ahli kitab, di mana mereka menghadapkan solat mereka ke kubur pendita dan ketua agama mereka. Bentuk inilah yang difahami oleh para ulama mengenai larangan menjadikan kubur itu sebagai masjid (tempat sujud).

Apa yang sewajarnya diketahui oleh umat Islam ialah bentuk larangan itu, bukan melihat apa yang dilakukan oleh orang Islam di masjid-masjid mereka. Kemudian mereka mengatakan, bahawa hadis ini sama seperti yang berlaku ke atas orang Islam, ini adalah seperti amalan yang dilakukan oleh orang Khawarij, waliyazu billah!

Sebagaimana kata Ibnu Umar mereka (orang Khawarij) mengatakan ayat yang diturunkan kepada orang musyrikin, diturunkan juga kepada orang Islam. Tidak terdapat pun gereja orang Nasrani dan tempat

penyembahan orang Yahudi yang bentuknya sama seperti masjid orang Islam yang terdapat makam di dalamnya, ini yang menyebabkan setengah mereka menekankan bahawa hadis ini datang dalam bentuk tersebut, iaitu diturunkan juga kepada orang Islam kerana orang Islam melakukan perkara yang sama seperti orang Yahudi dan Nasrani.

Sebaliknya para ulama memahami maksud dengan pandangan yang mendalam. Kenyataan ini dapat dilihat pada huraian mereka kepada hadis tersebut. Umpamanya Syeikh As-Sindi mengatakan tentang hadis ini: “Apa yang dimaksudkan dalam hadis ini ialah memberikan peringatan kepada umatnya daripada tidak menjadikan kubur mereka sebagaimana yang dilakukan oleh orang Yahudi dan Nasrani kepada kubur para nabi mereka dengan menjadikan kubur tersebut sebagai masjid sama ada sujud ke arah kubur tersebut kerana mengagungkan atau menjadikannya sebagai kiblat dengan menghadap ke atasnya ketika solat. Terdapat ulama yang mengatakan: Semata-mata menjadikan masjid berhampiran dengan makam orang yang soleh sebagai mengambil berkat tidak dilarang.¹⁰

Al-‘Allamah Ibnu Hajar Al-‘Asqolaani dan lain-lain pensyarah Sunan telah menukilkan pendapat Al-Baidhawi di mana beliau berkata: “Apabila orang Yahudi sujud kepada kubur para nabi mereka sebagai suatu penghormatan dan menjadikannya sebagai kiblat dan dihadapkan ke arahnya ketika solat sehingga mereka telah menjadikannya sebagai

¹⁰ Hasyiah As-Sindi, Syeikh As-Sindi, 2/41

berhala, maka Allah melaknat mereka dan melarang orang Islam melakukan yang sedemikian.

Adapun mereka yang membina masjid berhampiran dengan makam orang yang soleh atau solat di kawasan kuburnya dengan tujuan untuk mengingati rohnya dan meniru kesan ibadat yang dilakukannya, bukan untuk mengagungkannya dan menyembahnya, maka tidaklah mengapa. Cuba perhatikan sendiri makam Nabi Ismail di Masjidil Haram dan Al-Hathim (tembok Ka'bah yakni tempat antara makam Ibrahim, telaga Zamzam dan Hajar Aswad di Masjidil Haram: binaan yang berhadapan dengan pancuran air di luar Ka'bah). Sedangkan masjidil Haram merupakan tempat yang paling afdhal dilakukan solat di dalamnya. Larangan daripada melakukan solat di kawasan perkuburan ini dikhususkan untuk kawasan perkuburan yang telah digali semula kerana ia mengandungi najis.¹¹

Al-Mubarakfuri juga telah menukilkan sedemikian dalam kitab Syarah li Jami' At-Tirmizi pendapat At-Turbasyti, katanya: Hadis tersebut dapat diambil hukum daripadanya dua perkara:

Pertama: Mereka sujud kepada kubur para nabi sebagai mengagungkan mereka dan bertujuan untuk beribadah dengan melakukan sedemikian.

Kedua: Mereka berusaha dan mencari-cari untuk melakukan solat di makam para nabi dengan mengadap ke

¹¹ Fathul Bari, 1/524; Syarah Az-Zarqoni, 4/290; dan Faidhul Qadir, 4/466.

arah kubur mereka ketika solat dan ketika beribadat kepada Allah. Ini kerana mereka beranggapan tempat tersebut merupakan tempat yang paling mulia di sisi Allah kerananya ia mengandungi dua perkara iaitu Allah dan nabiNya.¹²

Daripada perbincangan tersebut, maka penjelasan mengenai hukum solat di masjid yang terdapat makam di dalamnya adalah seperti berikut:

1. Jika kubur itu di tempat yang berasingan daripada masjid, iaitu tidak dijadikan kubur itu tempat solat, maka hukum melakukan solat di masjid tersebut adalah sah, hukumnya tidak haram dan makruh melakukannya di situ;
2. Jika sekiranya kubur itu berada di dalam masjid, maka solatnya tidak sah dan diharamkan mengikut mazhab Ahmad Ibnu Hambal;
3. Adapun mengikut tiga imam yang lain iaitu mazhab Imam Syafi'e, Hanafi dan Maliki, hukumnya harus dan sah solatnya. Paling tidak pun mereka berpendapat, hanyalah makruh sekiranya kubur itu berada di hadapan orang yang solat, kerana ia dikhuatiri seolah-olah melakukan solat ke arah kubur tersebut. Wallahu a'lam.

¹² Tuhfah al-Ahwadzi, Mubarakfuri, 2/226.

Soalan 2

Apakah hukum Qunut dalam solat Subuh?

Jawab

Bahawa masalah Qunut dalam solat Subuh merupakan salah satu masalah cabang fiqah, yang tidak sewajarnya orang Islam berpecah dan bermusuhan kerananya. Masalah ini mempunyai pendapat yang berbeza di kalangan ulama fiqah. Mazhab Syafi'e dan Maliki menghukumkannya sunat, manakala mazhab Hanafi dan Hambali mengatakan tidak ada Qunut dalam solat Subuh.

Imam Nawawi berkata: Ketahuilah bahawa Qunut itu dituntut di sisi mazhab Shafie semasa solat Subuh, hukumnya sunat mu'akkad (sunat yang dituntut), ini berdasarkan riwayat Anas bin Malik r.a.

مَا زَالَ رَسُولُ اللَّهِ يَقْنُتُ فِي الْفَجْرِ حَتَّى فَارَقَ الدُّنْيَا.

“Rasulullah SAW sentiasa berqunut semasa solat Subuh sehingga baginda wafat.”¹³

Para ulama di kalangan mazhab Syafie mengatakan: Sekiranya ditinggalkan qunut ini tidak batal solatnya, tetapi jika terlupa membacanya hendaklah diganti dengan sujud sahwi, sama ada ditinggalkan dengan sengaja atau terlupa. Tempat Qunut itu ialah selepas bangun daripada ruku' pada rakaat kedua solat Subuh. Jika sekiranya seseorang itu berqunut sebelum ruku', maka tidak dikira sebagai Qunut mengikut pendapat yang paling asah¹⁴, dan perlu diulangi semula selepas ruku' kemudian diikuti dengan sujud sahwi sebelum salam.

Mengenai hukum Qunut pada solat Subuh ini terdapat berbagai pendapat dan keadaan yang dinukil daripada sesetengah para sahabat dan tabi'in, antaranya:

1. Ali bin Ziyad mengatakan wajib berqunut pada solat Subuh, maka sesiapa yang meninggalkannya batallah solatnya. Harus berqunut sebelum ruku' dan selepasnya pada rakaat kedua, Cuma yang disunatkan dan afdhal ialah sebelum ruku' sebaik sahaja habis bacaan surah tanpa mengucapkan takbir sebelumnya. Yang demikian itu bagi meraikan mereka yang solat masbuq, dan tidak diselangi antara qunut dengan dua rukun solat. Inilah yang diamalkan

¹³ Riwayat Ahmad dalam Musnadnya, 3/162; Abdul Razak dalam Mushannifnya, 3/110; Darulquthni dalam Sunannya, 2/39; Al-Haithami dalam Majma'uz Zawaid, 2/139. Riwayat al-Hakim dalam kitab al-Arbain, dia berkata, hadis ini hadis sohih dan perawinya semua dipercayai (thiqat).

¹⁴ Makna Asah: Sila rujuk nota kaki bil. 2 halaman 10.

oleh Umar Al-Khattab dengan dihadiri oleh para sahabat yang lain.

2. Qadi Abdul Wahab al-Baghdadi berkata: Diriwayatkan daripada Abi Roja al-'Athoridi katanya: Qunut itu dilakukan selepas ruku'. Saidina Umar menjadikannya sebelum ruku' kerana untuk memberi peluang kepada orang yang datang kemudian iaitu orang yang masbuq. Diriwayatkan bahawa orang Muhajirin dan Anshar bertanya kepada Uthman tentang masalah ini, maka ia pun menjadikan qunut sebelum ruku', kerana yang demikian itu memberi faedah yang tidak terdapat sekiranya dilakukan selepas ruku' iaitu jika berdiri semakin lama akan membolehkan mereka yang datang lambat untuk mendapatkan jemaah. Ini kerana Qunut itu ialah sebagai satu cara memanjangkan berdiri. Jika dilakukan sebelum ruku' lebih aula terutamanya pada solat Subuh.

Dipilih mazhab Syafi'e mengenai Qunut kerana dalilnya yang kuat, iaitu seperti berikut:

1. Diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a.:

مَا رَوَاهُ أَبُو هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا رَفَعَ رَأْسَهُ مِنَ الرُّكُوعِ مِنْ صَلَاةِ الصُّبْحِ فِي الرَّكْعَةِ الثَّانِيَةِ فَيَدْعُو بِهَذَا الدُّعَاءِ: اللَّهُمَّ اهْدِنَا فِيمَنْ هَدَيْتَ،

وَعَافِنَا فِيْمَنْ عَافَيْتَ، وَتَوَلَّنَا فِيْمَنْ تَوَلَّيْتَ ، وَبَارِكْ لَنَا فِيْمَا
أَعْطَيْتَ، وَقِنَا شَرًّا مَا قَضَيْتَ، فَإِنَّكَ تَقْضِي وَلَا يُقْضَى عَلَيْكَ،
إِنَّهُ لَا يَذِلُّ مَنْ وَالَيْتَ، تَبَارَكْتَ رَبَّنَا وَتَعَالَيْتَ. وَزَادَ الْبَيْهَقِيُّ فِيهِ
عِبَارَةٌ: فَلَكَ الْحَمْدُ عَلَى مَا قَضَيْتَ. وَزَادَ الطَّبْرَانِيُّ: وَلَا يَعِزُّ مَنْ
عَادَيْتَ.

Ertinya: Diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a. berkata: Bahawa Rasulullah SAW apabila mengangkat kepalanya daripada ruku' semasa solat Subuh di rakaat kedua, baginda berdoa dengan doa ini, iaitu: Ya Allah tunjukkanlah kepada kami sebagaimana mereka yang Engkau telah berikan pertunjuk, afiatkanlah kami seperti mereka yang telah Engkau afiatkan, pimpinlah kami sebagaimana mereka yang Engkau telah pimpin, Maha Berkuasa Engkau wahai Tuhan kami dan Maha Tinggi, peliharalah kami dari kejahatan yang telah Engkau tetapkan, sesungguhnya Engkau yang menghukum dan tidak ada yang menghukum ke atasMu, sesungguhnya tidak menjadi hina mereka yang Engkau bimbing, Engkau berkatilah kami ya Allah dan Engkau yang memberi ketinggian.

Al-Baihaqi menambah perkataan: Maka bagiMu segala puji-pujian ke atas apa yang telah Engkau tetapkan.

At-Thobrani menambah: Dan tidak jadi hina orang yang Engkau bimbing.¹⁵

2. Hadis Anas bin Malik sebagaimana yang telah disebutkan sebelum ini:

مَا زَالَ رَسُولُ اللَّهِ يَقْنُتُ فِي الْفَجْرِ حَتَّى فَارَقَ الدُّنْيَا. وَسُئِلَ أَنَسٌ، هَلْ قَنَتَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي صَلَاةِ الصُّبْحِ؟ قَالَ: نَعَمْ. فَقِيلَ لَهُ: قَبْلَ الرُّكُوعِ أَمْ بَعْدَ الرُّكُوعِ؟ قَالَ: بَعْدَ الرُّكُوعِ.

Hadis Anas bin Malik berkata: Rasulullah SAW sentiasa berqunut pada solat Subuh sehingga baginda wafat.¹⁶ Anas ditanya, adakah Rasulullah SAW berqunut semasa solat Subuh? Beliau menjawab: Ya. Beliau ditanya lagi: Sebelum ruku' atau selepas ruku'? Dijawabnya: Selepas ruku'.¹⁷

3. Daripada Abu Hurairah katanya:

وَاللَّهِ أَنَا أَقْرَبُكُمْ صَلَاةَ بِرَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَكَانَ

¹⁵ Diriwayatkan oleh al-Hakim dalam al-Mustadrak, 4/298; Al-Baihaqi dalam Sunan As-Shugra, 1/276; At-Thobrani dalam al-Aushat, 7/232; Subulus Salam, 1/186-187.

¹⁶ Riwayat Ahmad dalam Musnadnya, 3/162; Abdul Razak dalam Musannifnya, 3/110; Darulquthni dalam Sunannya, 2/39. Al-Haithami dalam Majma' Az-Zawaid, 2/139; Riwayat al-Hakim dalam kitab al-Arbainnya, beliau mengatakan hadis ini hadis sohih dan perawinya semuanya dipercayai (thiqat).

¹⁷ Riwayat Muslim dalam Sohihnya, 1/486; dan Abu Daud dalam Sunannya, 2/68.

أَبُو هُرَيْرَةَ يَقْنُتُ فِي الرَّكْعَةِ الْأَخِيرَةِ مِنْ صَلَاةِ الصُّبْحِ بَعْدَ مَا يَقُولُ سَمِعَ اللَّهُ لِمَنْ حَمِدَهُ، وَيَدْعُو لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَيَلْعَنُ الْكُفَّارَ.

Demi Allah akulah orang yang paling hampir mendirikan solat bersama dengan Rasulullah SAW. Adalah Abu Hurairah berqunut pada rakaat kedua semasa solat Subuh selepas mengucap (سَمِعَ اللَّهُ لِمَنْ حَمِدَهُ) dan mendoakan orang mukmin dan mukminat serta melaknat orang-orang kafir.¹⁸

4. Daripada Abdullah bin Abbas katanya:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُعَلِّمُنَا دُعَاءً نَدْعُو بِهِ فِي الْقُنُوتِ مِنْ صَلَاةِ الصُّبْحِ: اللَّهُمَّ اهْدِنَا فِيمَنْ هَدَيْتَ، وَعَافِنَا فِيمَنْ عَافَيْتَ، وَتَوَلَّنَا فِيمَنْ تَوَلَّيْتَ، وَبَارِكْ لَنَا فِيمَا أَعْطَيْتَ، وَقِنَا شَرَّ مَا قَضَيْتَ، إِنَّكَ تَقْضِي وَلَا يُقْضَى عَلَيْكَ، إِنَّهُ لَا يَدِلُّ مَنْ وَالَيْتَ، تَبَارَكْتَ رَبَّنَا وَتَعَالَيْتَ.

Bahawa Rasulullah SAW mengajar kami satu doa untuk kami berdoa di dalam Qunut semasa solat Subuh: Ya Allah tunjukkanlah kepada kami sebagaimana mereka yang Engkau telah berikan pertunjuk, afiatkanlah kami seperti

¹⁸ Al-Baihaqi dalam Sunan as-Shugra, 1/277, cetakan Maktabah ad-Dar.

mereka yang telah Engkau afiatkan, pimpinlah kami sebagaimana mereka yang Engkau telah pimpin, Maha Berkuasa Engkau wahai Tuhan kami dan Maha Tinggi, peliharalah kami dari kejahatan yang telah Engkau tetapkan, sesungguhnya Engkau yang menghukum dan tidak ada yang menghukum ke atasMu, sesungguhnya tidak menjadi hina mereka yang Engkau bimbing, Engkau berkatilah kami ya Allah dan Engkau yang memberi ketinggian.¹⁹

5. Dalam sebuah hadis disebutkan:

كَانَ إِذَا رَفَعَ رَأْسَهُ مِنَ الرُّكُوعِ مِنْ صَلَاةِ الصُّبْحِ فِي الرَّكْعَةِ
الثَّانِيَةِ يَرْفَعُ يَدَيْهِ وَيَدْعُو بِهَذَا الدُّعَاءِ: اللَّهُمَّ اهْدِنِي فِيمَنْ
هَدَيْتَ. وَفِي رِوَايَةٍ: إِنَّهُ إِذَا رَفَعَ رَأْسَهُ مِنَ الرُّكُوعِ فِي صَلَاةِ
الصُّبْحِ فِي آخِرِ رَكْعَةٍ قَنَتَ.

Ertinya: Baginda SAW apabila mengangkat kepalanya daripada ruku' semasa solat Subuh pada rakaat kedua, Baginda mengangkat kedua tapak tangannya lalu berdoa dengan doa ini: Ya Allah tunjukkanlah kepadaku sebagaimana yang Engkau telah berikan pertunjuk. Mengikut satu riwayat yang lain: Baginda SAW apabila mengangkat kepalanya daripada ruku' semasa solat Subuh pada rakaat yang akhir baginda berqunut.²⁰

¹⁹ Al-Baihaqi dalam Sunan al-Kubra, 2/210, Maktabah Dar al-Baz.

²⁰ Al-Jami' As-Shoghir, As-Shuyuthi, 1/157, cetakan Thoirul Ilmi, kata Albani hadis ini hadis sohih, lihat Sohih al-Jami', 4730.

Adapun lafaz Qunut yang dipilih ialah apa yang diriwayatkan daripada Al-Hasan Ibnu Ali r.a. berkata:

قَالَ: عَلَّمَنِي رَسُولُ اللَّهِ كَلِمَاتٍ أَقُولُهُنَّ فِي الْوُتْرِ: اللَّهُمَّ اهْدِنِي
فِي مَنْ هَدَيْتَ، وَعَافِنِي فِي مَنْ عَافَيْتَ، وَتَوَلَّنِي فِي مَنْ تَوَلَّيْتَ،
وَبَارِكْ لِي فِي مَا أَعْطَيْتَ، وَقِنِي شَرَّ مَا قَضَيْتَ، فَإِنَّكَ تَقْضِي وَلَا
يُقْضَى عَلَيْكَ، وَإِنَّهُ لَا يَدِلُّ مَنْ وَالَيْتَ، تَبَارَكَ رَبَّنَا وَتَعَالَيْتَ.

Ertinya: Ya Allah, tunjukkanlah kepada kami pada mereka yang Engkau telah berikan pertunjuk, afiatkanlah kami seperti mereka yang telah Engkau afiatkan, pimpinlah kami sebagaimana Engkau telah pimpin, berkatilah kami sebagaimana yang telah Engkau berikan, peliharalah kami dari kejahatan yang telah Engkau tetapkan, sesungguhnya Engkau yang menghukum dan tidak ada yang menghukum ke atasMu, sesungguhnya dia tidak menghinakan mereka yang Engkau bimbing, Maha Berkat Engkau wahai Tuhan kami dan Maha Tinggi.

وَزَادَ الْعُلَمَاءُ فِيهِ: وَلَا يَعْزُّ مَنْ عَادَيْتَ قَبْلَ تَبَارَكَ رَبَّنَا
وَتَعَالَيْتَ. وَبَعْدَهُ: فَلَكَ الْحَمْدُ عَلَى مَا قَضَيْتَ، أَسْتَغْفِرُكَ
وَأَتُوبُ إِلَيْكَ. قَالَ النَّوَاوِيُّ فِي الرَّوْضَةِ: قَالَ أَصْحَابُنَا: لَا بَأْسَ

بِهَذِهِ الزِّيَادَةِ. وَقَالَ أَبُو حَامِدٍ وَالْبُنْدَانِيُّ وَآخَرُونَ، مُسْتَحَبَّةٌ.
وَيُسَنُّ أَنْ يَقُولَ عَقِبَ هَذَا الدُّعَاءِ: اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ وَسَلِّمْ، وَذَلِكَ فِي الْوَجْهِ الصَّحِيحِ الْمَشْهُورِ.

Para ulama menambah pada Qunut itu: “Dan dia tidak menjadi mulia mereka yang Engkau musuhi” sebelum dibaca “Maha Berkah Engkau wahai Tuhan kami dan Maha Tinggi”, selepas itu dibacakan: Maka bagiMu segala puji-pujian ke atas apa yang telah Engkau tetapkan, dan aku mohon ampun kepadaMu dan aku bertaubat kepadaMu. Imam Nawawi dalam kitab ar-Raudhah berkata: Para ulama dari mazhab Syafie berkata: Tidak mengapa dengan penambahan tersebut. Abu Hamid, al-Bandaniji dan lain-lain lagi mengatakan hukum menambah perkataan tersebut adalah sunat. Disunatkan membaca selepas doa ini: Ya Allah! Cucurilah rahmat dan kesejahteraan kepada junjungan kami Nabi Muhammad SAW. Begitulah mengikut cara yang betul dan masyhur.

Disunatkan juga menggunakan lafaz:

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْتَعِينُكَ، وَنَسْتَغْفِرُكَ، وَنُؤْمِنُ بِكَ، وَنَتَوَكَّلُ عَلَيْكَ،
وَنَخْضَعُ لَكَ، وَنَخْلَعُ وَنَتْرُكُ مَنْ يَكْفُرُكَ، اللَّهُمَّ إِيَّاكَ نَعْبُدُ،

وَلَكَ نُصَلِّيٰ وَنَسْجُدُ، وَإِلَيْكَ نَسْعَىٰ وَنَحْفِدُ، نَرْجُو
رَحْمَتَكَ، وَنَخَافُ عَذَابَكَ، إِنَّ عَذَابَكَ الْجِدِّ بِالْكَفَّارِ مُلْحِقٌ.

Ertinya: Ya Allah, sesungguhnya kami mohon pertolonganMu dan kami mohon keampunanMu, kami beriman denganMu dan kami bertawakkal ke atasMu, dan kami tunduk patuh kepadaMu, dan kami tinggalkan mereka yang kufur kepadaMu. Ya Allah, kepadaMu kami sembah dan bagimu kami berselawat dan bersujud. KepadaMu kami berusaha dan memberikan tumpuan, kami mengharapkan rahmatMu dan kami takut azabMu, sesungguhnya azabmu pasti akan menimpa orang-orang yang kafir.

Berdasarkan perbincangan yang lalu, kita lebih memilih mazhab Syafie yang mengatakan bahawa doa Qunut semasa solat Subuh itu adalah sunat mu'akkad (dituntut). Seterusnya disunatkan bagi mereka yang meninggalkannya supaya sujud sahwi (terlupa) untuk menampalnya, tetapi tidak membatalkan solat dengan meninggalkannya. Wallahu a'lam.

Soalan 3

Apakah hukumnya kita mengucapkan “Saiyidina Muhammad SAW” sama ada di dalam solat atau di luar solat?

Jawab

Ulama Islam telah sepakat bahawa telah sabit ketuanan untuk Nabi Muhammad SAW dan ketuanannya juga telah diketahui umum.

As-Syarqawi berkata: Lafaz Saiyidina itu ditunjukkan untuk Nabi Muhammad SAW. Adapun setengah orang yang tidak mahu menggunakannya kerana berpegang dengan lafaz yang zahir yang membolehkan dari setengah hadis dengan menyangka ianya bercanggah dengan hukum penggunaan lafaz ini, maka pendapat ini tidak boleh diambil kira. Antara hadis tersebut ialah:

عَنْ أَبِي نَضْرَةَ عَنْ مَطْرَفٍ قَالَ، قَالَ أَبِي: انْطَلَقْتُ فِي وَفْدِ بَنِي
عَامِرٍ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقُلْنَا: أَنْتَ سَيِّدُنَا، فَقَالَ:
السَّيِّدُ اللَّهُ تَبَارَكَ وَتَعَالَى. قُلْنَا: وَأَفْضَلُنَا فَضْلًا وَأَعْظَمُنَا طَوْلًا،
قَالَ: قُولُوا بِقَوْلِكُمْ أَوْ بَعْضِ قَوْلِكُمْ، وَلَا يَسْخَرُ بِكُمْ الشَّيْطَانُ.

Hadis daripada Abi Nadhrah daripada Mathraf katanya: Ayahku berkata, aku mengikut rombongan Bani 'Amir menemui Nabi SAW, kami berkata: Engkau Saiyidina (penghuluku), Nabi bersabda: Segala penghulu itu ialah Allah SWT. Kami berkata lagi: Orang yang paling mulia di kalangan kami dan orang yang paling agung sekali. Baginda bersabda: Panggillah dengan apa yang kamu telah disuruh katakan (perkataan Nabi atau Rasul) atau sebahagian daripadanya dan jangan kamu diperolokkan oleh syaitan.²¹

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ الشُّخَيْرِ يُحَدِّثُ عَنْ أَبِيهِ قَالَ جَاءَ رَجُلٌ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: أَنْتَ سَيِّدُ قُرَيْشٍ، فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ السَّيِّدُ اللَّهُ. قَالَ: أَنْتَ أَفْضَلُهَا فِيهَا قَوْلًا وَأَعْظَمُهَا فِيهَا طَوْلًا، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِيَقُلْ أَحَدُكُمْ بِقَوْلِهِ وَلَا يَسْتَجِرْهُ الشَّيْطَانُ.

Daripada Abdullah bin As-Sukhair menceritakan daripada bapanya katanya telah datang seorang lelaki kepada nabi SAW lalu berkata: Engkau penghuku orang Quraisy, Nabi bersabda: Segala penghulu adalah Allah. Dia berkata lagi: Engkau orang yang paling benar cakapnya dan paling agung kedudukannya, lalu baginda bersabda: Seseorang daripada

²¹ Riwayat Abu Daud dalam Sunannya, 4/254; An-Nasa'ie dalam al-Kubra, 6/70.

*kamu hendaklah memanggilku seperti yang disuruh oleh Allah dan jangan ada yang dipengaruhi oleh syaitan.*²²

Hadis-hadis ini dijadikan satu bab oleh perawi hadis di dalam bab ‘makruh terlalu memuji’ (كَرَاهَةُ التَّمَادُحِ), sebagaimana riwayat Abu Daud dan lainnya. Hadis ini telah dimaksudkan bahawa Nabi SAW mengajar umatnya bahawa jangan terlalu memuji-muji sebagaimana terdapat hadis yang melarang secara terang mengenai puji-memuji.

عَنْ أَبِي مَعْمَرٍ قَالَ: قَامَ رَجُلٌ يُشْنِي عَلَى أَمِيرٍ مِنَ الْأُمَرَاءِ فَجَعَلَ
الْمِقْدَادُ يُحْتِي عَلَيْهِ التُّرَابَ وَقَالَ: أَمَرْنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ
عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ يُحْتِيَ فِي وَجْهِهِ الْمَدَّاحِينَ التُّرَابَ.

*Daripada Abi Ma'mar katanya: Seorang lelaki memuji salah seorang raja daripada umara' lalu Al-Miqdad menyuruh ditaburkan tanah ke atasnya lalu berkata: Rasulullah SAW memerintahkan kita supaya ditaburkan tanah ke atas muka orang yang suka memuji-muji.*²³

Memang tidak dapat dinafikan bahawa puji-pujian itu akan melahirkan sifat berpura-pura dan melahirkan akhlak yang dikeji yang perlu dielakkan oleh setiap muslim yang sebenar.

²² Riwayat Ahmad dalam Musnadnya, 4/24; An-Nasa'ie dalam kitab Al-Kubra, 6/70; dan Al-Hakim dalam Al-Mustadrak, 3/213.

²³ Riwayat Muslim dalam Sohihnya, 4/2297.

Fahaman inilah yang difahami oleh para ulama. Ibnu al-Athir dalam kitab *An-Nihayah* berkata: Memang dialah (Rasulullah SAW) yang layak dipanggil *siyadah* (penghulu), seolah-olahnya baginda tidak suka dipuji dan baginda lebih suka *tawadu'*.

Antaranya ialah hadis yang menceritakan apabila mengatakan: Engkau *saiyiduna* (penghulu kami), baginda bersabda: Kamu panggillah dengan panggilan yang disuruh kepada kamu, iaitu panggillah aku dengan panggilan 'nabi dan rasul' sebagaimana yang Allah SWT memanggil aku, dan jangan kamu memanggil aku dengan panggilan *saiyid* sebagaimana kamu memanggil pemimpin-pemimpin kamu, sesungguhnya aku bukanlah seperti mereka yang memanggil kamu *saiyid* kerana sebab-sebab keduniaan.

Ibnu Muflih telah mengulas mengenai makna *saiyid* katanya: *As-Saiyid* itu digunakan untuk panggilan tuan, raja, orang yang mulia, orang yang bijaksana, orang yang memikul beban kaumnya, suami, pemimpin dan pemimpin tentera.²⁴ Tidak syak lagi bahawa Nabi SAW lebih menepati panggilan *saiyid* lebih daripada kesemua panggilan tersebut. Abu Mansur berkata: Nabi SAW tidak suka dipuji dan lebih suka *tawadu'* kerana Allah Ta'ala.

Sebagaimana hadis-hadis yang memperkatakan tentang hakikat sebenarnya, di sana tidak ada panggilan *saiyid* pada hakikatnya kecuali Allah SWT. Jika disandarkan

²⁴ Al-Adabus Syar'iyah wal manhul Mar'iyah, Ibn Muflih, 3/456, cetakan 'Alamul Kitab.

kepada yang lain daripadanya, ia adalah dalam bentuk majaz, contohnya si pulan itu Rahim (pengasih). Rahim pada hakikatnya hanya pada Allah SWT sahaja. Firman Allah SWT:

قُلْ يَتَوَفَّنَا مَلَكُ الْمَوْتِ الَّذِي وُكِّلَ بِكُمْ ثُمَّ إِلَىٰ رَبِّكُمْ
تُرْجَعُونَ

“Katakanlah (Wahai Muhammad); "Nyawa kamu akan diambil oleh malaikat mencabut nyawa yang ditugaskan berbuat demikian ketika habis ajal kamu, kemudian kamu akan dikembalikan kepada Tuhan kamu (untuk menerima balasan)". (As-Sajadah: 11)

Pada ayat yang lain pula Allah berfirman:

اللَّهُ يَتَوَفَّى الْأَنْفُسَ حِينَ مَوْتِهَا .

“Allah (yang Menguasai segala-galanya), ia mengambil dan memisahkan satu-satu jiwa dari badannya.” (Az-Zumar: 42)

Bahkan Allah menamakan selain dariapda nabi Muhammad SAW sebagai saiyid di dalam al-Quran seperti Nabi Yahya a.s. Firman Allah:

أَنَّ اللَّهَ يُبَشِّرُكَ بِيَحْيَىٰ مُصَدِّقًا بِكَلِمَةٍ مِّنَ اللَّهِ وَسَيِّدًا وَحَصُورًا
وَنَبِيًّا مِّنَ الصَّالِحِينَ ﴿٣٩﴾

"Bahawasanya Allah memberi khabar yang mengembirakanmu, dengan (mengurniakanmu seorang anak lelaki bernama) Yahya, yang akan beriman kepada kalimah dari Allah, dan akan menjadi ketua, dan juga akan menahan diri dari berkahwin, dan akan menjadi seorang Nabi dari orang-orang yang soleh". (Ali Imran: 39)

Oleh itu, Nabi SAW sendiri menggunakan lafaz Saiyid bagi selain daripada Allah SWT kepada para sahabatnya, antaranya ialah sabdanya daripada Saad bin Mu'az ketika menyeru kaum Anzor: (فُؤْمُوا إِلَىٰ سَيِّدِكُمْ) "Pergilah kamu kepada tuan kamu".²⁵ Demikian juga ketika baginda memanggil dirinya dengan bersabda: (أَنَا (سَيِّدٌ وَلَدِ آدَمَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَلَا فَخْرَ) "Aku penghulu anak Adam pada hari kiamat sedangkan aku tidak merasa megah dengannya."²⁶

Sabda baginda kepada Hasan r.a. (إِنَّ ابْنِي هَذَا سَيِّدٌ)

²⁵ Riwayat Bukhari dalam Sohihnya, 2/900; dan Muslim dalam Sohihnya, 3/1388.

²⁶ Riwayat Muslim dalam Sohihnya, 4/1782.

“Sesungguhnya cucuku ini akan menjadi saiyyid.”²⁷

Malahan terjadi setengah para sahabat memanggil baginda dengan panggilan (يَا سَيِّدِي) seperti di dalam hadis:

عَنْ سَهْلِ بْنِ حُنَيْفٍ قَالَ: مَرَّ بِنَا سَيْلٌ، فَذَهَبْنَا نَعْتَسِلُ فِيهِ، فَخَرَجْتُ مَحْمُومًا، فَنَمِي ذَلِكَ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: مُرُوا أَبَا ثَابِتٍ يَتَعَوَّذُ: فَقُلْتُ: يَا سَيِّدِي، وَالرُّقْيَ صَالِحَةً. قَالَ: لَا رُقْيَ إِلَّا مِنْ ثَلَاثٍ: مِنَ الْحُمَى، وَالنَّفْسِ وَاللَّدَغَةِ.

Daripada Sahal bin Hunaif berkata: Telah berlaku di tempat kami satu banjir, lalu kami mandi di dalamnya, apabila aku keluar lalu aku merasa demam, maka kami mengadu kepada Rasulullah SAW lalu baginda bersabda: Kamu perintahkan Abu Thabit mohon perlindungan daripada Allah. Kata Sahal “wahai Tuanku” berjampi itu lebih baik, baginda bersabda: Jangan berjampi kecuali pada tiga perkara iaitu apabila demam, terkena penyakit dan apabila kena patuk ular.²⁸

²⁷ Riwayat Bukhari dalam Sohihnya, 2/962.

²⁸ Riwayat Abu Daud dalam Sunannya, 4/11; An-Nasa'i dalam Al-Kubra, 6/71; Al-Hakim dalam Al-Mustadrak, 4/458.

Hadis ini semua adalah untuk mensabitkan siadah yang hakiki, iaitu hanya kepada Allah; atau dimakruhkan puji memuji sebagaimana yang dijelaskan oleh sunnah Nabi. Menyebut lafaz Saiyidina semata-mata tanpa perkataan lain kerana ditujukan kepada Nabi SAW atau diletakkan pada permulaan namanya yang mulia adalah sebagai panggilan secara beradab yang diakui oleh Nabi SAW daripada para sahabat baginda.

Adapun hukum menyebut Saiyidina kepada baginda SAW dalam solat, azan dan lain-lain ibadat terdapat perselisihan pendapat para fuqaha' mengenai masalah ini. Telah dinukilkan daripada kitab mazhab fiqah yang muktamad menghukumkan sunat menyebut lafaz Saiyidina sebelum menyebut nama Nabi Muhammad sebagai satu cara beradab yang paling tinggi walaupun dalam ibadat seperti solat dan azan.

Sebahagian daripada ulama mazhab Hanafi iaitu Al-Hashfaki pengarang kitab Ad-Durrul Mukhtar mengatakan: Disunatkan menyebut as-siyadah, kerana semakin bertambah perkataan yang diletakkan pada Nabi Muhammad SAW akan menunjukkan cara beradab, maka ia lebih afdhal daripada meninggalkannya. Perkara yang sama telah disebutkan juga oleh Syeikh Ramli dari mazhab Syafi'e dan lainnya. Terdapat hadis yang dinukil iaitu: (لَا تَسُبُّونِي فِي الصَّلَاةِ فَكَذِبُ) Jangan kamu menyebut saiyid kepadaku dalam solat kerana ini adalah bohong. Terdapat ungkapan mereka yang lain: (لَا تَسَيِّدُونِي) dengan mengguna-

kan Ya adalah tidak betul, dan yang betul ialah dengan Wau.²⁹ Begitu juga apa yang dijelaskan secara jelas oleh An-Nafrawi daripada golongan mazhab Maliki dengan mengatakan: Ini semua adalah sebagai cara beradab, dan menjaga adab itu lebih baik daripada merendah diri.

Syeikh Al-Khuttab yang bermazhab Maliki berkata: Ibnu Muflih yang bermazhab Hambali juga menyebutkan perkara sedemikian. Disebutkan daripada Syeikh Izzuddin bin Abdul Salam katanya: Menyebut Saiyidina dalam solat terdapat perselisihan pendapat padanya, adakah yang lebih utama melakukan suruhan (membuat perkara sunat) atau menjaga adab sopan? Aku berpendapat, yang jelas padaku, aku melakukannya dalam solat dan seumpamanya dengan menyebut Saiyidina. Wallahu a'lam.³⁰

Dari kalangan mazhab Syafi'e pula, al-Allamah Shamsuddin Ar-Ramli berkata: Yang paling afdhal ialah menyebut lafaz Saiyidina, sebagaimana yang disebutkan oleh Ibnu Dzahirah dan diakui oleh kebanyakan ulama dan apa yang difatwakan oleh pensyarah kitabnya itu, kerana melakukan apa yang diperintahkan melakukannya dan terdapat hadis tambahan yang melarang daripada melakukan sedemikian adalah sebagai beradab. Adalah lebih afdhal daripada meninggalkannya, sekalipun Al-Asnawi agak teragak-agak mengenai afdhalannya.

²⁹ Ad-Darrul Mukhtar oleh al-Hashfaki, 1/513.

³⁰ Mawahibul jalil Syarah Mukhtashar al-Khalil oleh Muhammad bin Abdul Rahman al-Khattab, 1/21.

Adapun hadis: (لَا تَسِيءُوا نَبِيَّ فِي الصَّلَاةِ فَبَاطِلٌ) tidak ada asasnya, sebagaimana yang dikatakan oleh para hafiz hadis yang mutaakhir.³¹

Syeikh Ramli dalam Hasyiah Asnal Mataholib berkata: Pendapat sedemikian telah difatwakan oleh Al-Jalal Al-Mahalli sebagai menguatkannya dengan berkata: Kerana menyebut saiyidina itu melakukan apa yang diperintahkan kita melakukannya dan terdapat hadis tambahan yang melarang daripada melakukan sedemikian adalah sebagai beradab, adalah lebih afdhal daripada meninggalkannya, sekalipun Al-Asnawi agak teragak-agak mengenai afdhalannya..³²

As-Syaukani berkata: Diriwayatkan daripada Ibnu Abdul Salam di mana beliau menyebutkannya dalam bab cara beradab, bahawa mengikut cara beradab itu lebih disukai daripada hanya mengikut suruhan. Perkara ini telah dikuatkan lagi dengan hadis Abu Bakar ketika diperintahkan oleh Rasulullah SAW supaya beliau kekal di tempatnya, maka beliau tidak mengikut perintah itu dan berkata: Ibnu Abi Qahafah tidak sekali-kali akan meninggalkan Nabi SAW. Demikian juga dengan Saidina Ali yang tidak mahu memadam nama Nabi SAW daripada sohifah di dalam Perjanjian Hudaibiyah selepas diperintangkannya berbuat demikian lalu berkata: Aku tidak akan memadamkan namamu selama-lamanya. Kedua-

³¹ Tuhfatul Muhtaj oleh Ar-Ramli, 3/86.

³² Hasyiatur Ramli 'ala Asnal Matholib, 1/166.

dua hadis ini adalah hadis sahih dan diakui oleh Nabi SAW bahawa kedua-duanya tidak mahu mengikut apa yang diperintahkan kerana menjaga adab disebabkan kedudukan baginda yang mulia.³³

Dari penjelasan di atas kita ketahui bahawa banyak ulama fiqah dari kalangan mazhab ilmu fiqah seperti Al-Izzuddin bin Abdul Salam, Ar-Ramli, Al-Qalyubi, As-Syarqawi dari mazhab Syafi'e, Al-Hashkafi, Ibnu Abidin dari mazhab Hanafi dan lainnya seperti as-Syaukani yang menghukumkan sunat didahulukan lafaz Saiyidina sebelum menyebut namanya Nabi SAW yang mulia dalam solat, azan dan lain-lain ibadat.

Adapun mendahulukan lafaz Saiyidina sebelum namanya yang mulia ketika selain daripada ibadat tidak ada perselisihan ulama mengenainya, malahan telah ijma' para ulama mengenai harusnya. Ini tidak diambil kira pendapat yang ganjil yang tidak mampu untuk menghimpunkan dalil yang bercanggah dan pendapat inilah yang kami pilih dan kami tarjihkannya kepada penghulu segala makhluk dan kekasih sebenar Saiyidina Muhammad SAW, maka menjaga adab itu sentiasa lebih didahulukan terhadap Rasulullah SAW. Wallahu a'lam.

³³ Nailul Authar, As-Syaukani, 2/337-338.

Soalan 4

Terdapat perbezaan pendapat mengenai bilangan rakaat solat Tarawih, berapakah bilangan sebenar rakaat solat Tarawih?

Jawab

Di bulan Ramadan sering berlaku perselisihan pendapat antara setengah golongan yang begitu ekstrim menarik orang ramai dan orang

awam supaya mengikut pendapat mereka. Perselisihan ini berpunca daripada masalah bilangan rakaat solat Tarawih. Mereka yang bersuara meninggi menyalahkan pemimpin-pemimpin para ulama dan seluruh umat Islam sejak zaman dahulu lagi. Golongan ini menolak dan mendakwa mereka semua melakukan bid'ah dan mengharamkan apa yang dihalalkan oleh Allah apabila mengatakan: Tidak harus lebih daripada lapan rakaat pada Solat Tarawih.

At-Tarawih adalah plural daripada perkataan At-Tarwihah. Ibnu Mandzur berkata: At-Tarwihah hanya berlaku pada bulan Ramadan, dinamakan sedemikian kerana orang yang Solat Tarawih berehat setiap selepas empat rakaat. Dalam hadis disebutkan (صَلَاةُ التَّرَاوِيحِ) Solat Tarawih, kerana mereka itu berehat antara setiap dua salam

(empat rakaat). At-Tarawih ialah plural atau jama' bagi at-Tarwihah iaitu sekali berehat, ia seperti Taslimah daripada perkataan As-Salam.³⁴

Dengan semata-mata melihat definisi dari segi bahasa, jelas bahawa Solat Tarawih adalah lebih daripada lapan rakaat, kerana satu Tarwihah itu dikira selepas empat rakaat, maka jika sekiranya diamalkan Tarwihatain sudah tentulah bilangan rakaat itu ialah dua belas rakaat. Sebenarnya umat Islam telah sepakat bahawa Solat Tarawih itu adalah dua puluh rakaat tanpa solat Witir, dan dua puluh tiga rakaat termasuk Witir, inilah yang dimuktamadkan oleh mazhab fiqah yang empat iaitu mazhab Hanafi, mazhab Maliki pada qaul mereka yang masyhur, pada mazhab Syafi'e dan mazhab Hambali.

Di sana ada pendapat yang dipetik daripada mazhab Maliki yang berbeza dengan pendapat yang masyhur, iaitu bahawa solat Tarawih itu ialah tiga puluh enam rakaat. Umat Islam tidak pernah mengatakan bahawa solat Tarawih itu hanya lapan rakaat kecuali pada akhir zaman ini. Sebab berlakunya kesilapan tersebut ialah pemahaman mereka yang salah mengenai sunnah nabi, ditambah tidak mempunyai kemampuan untuk menyelaraskan hadis-hadis, tidak memahami tentang kesepakatan ulama dari segi ucapan dan perbuatan yang dilakukan oleh para sahabat nabi SAW hinggalah ke hari

³⁴ Lisanul Arab, Ian Mandzur, 1/615.

ini. Mereka berhujah dengan hadis Aisyah r.a. di mana beliau berkata:

مَا كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَزِيدُ فِي رَمَضَانَ وَلَا فِي غَيْرِهِ عَلَى إِحْدَى عَشْرَةَ رَكْعَةً، يُصَلِّي أَرْبَعًا فَلَا تَسَلُ عَنْ حُسْنِهِنَّ وَطُولِهِنَّ، ثُمَّ يُصَلِّي أَرْبَعًا فَلَا تَسَلُ عَنْ حُسْنِهِنَّ وَطُولِهِنَّ، ثُمَّ يُصَلِّي ثَلَاثًا، قَالَتْ عَائِشَةُ: فَقُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَتَنَامُ قَبْلَ أَنْ تُؤْتِرَ. فَقَالَ: يَا عَائِشَةُ، إِنَّ عَيْنِي تَنَامَانٍ وَلَا يَنَامُ قَلْبِي.

*Rasulullah SAW tidak pernah solat di bulan Ramadan dan bulan lainnya lebih daripada sebelas rakaat. Baginda solat empat rakaat maka jangan ditanya mengenai kebaikan dan panjangnya, kemudian baginda solat empat rakaat maka jangan ditanya mengenai kebaikan dan panjangnya, kemudian baginda solat tiga rakaat. Aisyah bertanya: Ya rasulullah, adakah anda tidur sebelum solat Witir? Nabi bersabda: Wahai Aisyah, sesungguhnya kedua mataku tidur sedang hatiku tidak pernah tidur.*³⁵

Hadis ini menceritakan mengenai pengajaran Nabi SAW tentang solat sunat qiamullail secara umum dan tidak menyentuh mengenai solat Tarawih; kerana ia

³⁵ Riwayat Bukhari dalam Sohihnya, 1/385; dan Muslim dalam Sohihnya, 1/509.

merupakan qiyamullail yang khusus di bulan Ramadan, ia merupakan sunnah Nabi pada asalnya dan tidak dijelaskan kaedahnya. Dengan lain perkataan, umat Islam mengikut sunnah yang dilakukan oleh Saidina Umar Ibnu Al-Khattab di mana beliau memerintahkan Ubai bin Ka'ab mengimamkan para Jemaah solat Tarawih supaya dilakukan secara berjemaah sepanjang bulan Ramadan dengan bilangan sebanyak dua puluh rakaat. Ini bersandarkan sabda Nabi SAW:

عَلَيْكُمْ بِسُنَّتِي وَسُنَّةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ عَضُّوا
عَلَيْهَا بِالنَّوَاجِدِ.

*"Hendaklah kamu mengikut sunnahku dan sunnah Khulafa' Ar-Rasyidin yang mereka mendapat petunjuk, gigitlah ia dengan gerahammu (peganglah ia dengan teguh)."*³⁶

Jika sekiranya sandaran umat Islam bukan perbuatan yang dilakukan oleh Saidina Umar r.a. maka mengapa ditunaikan solat Tarawih berjemaah di masjid mengikut satu imam sepanjang bulan? Seolah-olahnya mereka mengikut sunnah Saidina Umar dari segi solat secara berjemaah sepanjang bulan Ramadan, perkara ini tidak pernah dilakukan oleh nabi SAW, sedangkan mereka meninggalkan bilangan rakaat dan mendakwa

³⁶ Riwayat Ahmad dalam Musnadnya, 4/126; dan At-Tirmizi dalam Sunannya, 5/44.

mereka mengikut sunnah Nabi SAW. Jika sekiranya perkara ini betul, maka janganlah kamu mengikut apa yang dilakukan oleh Saidina Umar r.a. sepatutnya kamu solat Tarawih di rumah sahaja dan biarkan orang ramai melaksanakan agama Allah SWT sebagaimana yang mereka warisi.

Dalil yang membuktikan ia dilakukan oleh saidina Umar ialah apa yang diriwayatkan oleh Abdul Rahman bin Abdul Qari beliau berkata:

Aku keluar bersama saidina Umar bin Al-Khattab pada suatu malam di bulan Ramadan untuk ke masjid, didapati orang ramai berada dalam keadaan berselerak, ada yang solat bersendirian, ada yang solat berjemaah dalam kumpulan kecil, lalu Umar berkata: Aku berpendapat sekiranya disatukan mereka mengikut satu imam alangkah baiknya. Kemudian beliau berazam untuk melakukannya dan memerintahkan Ubai bin Ka'ab mengimamkan solat Tarawih secara berjemaah dua puluh rakaat. Pada keesokan harinya aku keluar bersamanya sedang orang ramai solat Tarawih secara berjemaah mengikut imam, lalu saidina Umar berkata:

نَعْمَ الْبِدْعَةُ هَذِهِ، وَالَّتِي يَنَامُونَ عَنْهَا أَفْضَلُ مِنَ الَّتِي
يَقُومُونَ. يُرِيدُ آخِرُ اللَّيْلِ، وَكَانَ النَّاسُ يَقُومُونَ أَوَّلَهُ.

Iniilah sebaik-baik bid'ah, orang yang tidur terlebih dahulu untuk solat Tarawih lebih baik daripada orang yang melaksanakannya di awal malam, dan orang ramai melaksanakannya di awal malam.

Solat yang saidina Umar memerintahkan orang ramai solat berjemaah itu ialah solat Tarawih dua puluh rakaat. Ini dibuktikan oleh beberapa hadis antaranya, hadis yang diriwayatkan oleh As-Saib bin Yazid r.a. di mana beliau berkata:

كَأَنُومًا يَقُومُونَ عَلَى عَهْدِ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ فِي شَهْرِ رَمَضَانَ بَعِشْرِينَ رَكْعَةً. قَالَ: وَكَأَنُومًا يَقْرَأُونَ بِالْمِئَتَيْنِ، وَكَأَنُومًا يَتَوَكَّؤُونَ عَلَى عَصِيهِمْ فِي عَهْدِ عُثْمَانَ بْنِ عَفَّانٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ مِنْ شِدَّةِ الْقِيَامِ.

Mereka melaksanakan solat di zaman saidina Umar bin Al-Khattab r.a. pada bulan Ramadan dengan dua puluh rakaat. Dia menjelaskan lagi, mereka membaca dua ratus ayat, dan mereka berpegang pada tongkat mereka di zaman saidina Uthman bin Affan kerana terlalu lama berdiri.³⁷

Daripada Yazid bin Rauman: Pada zaman saidina Umar bin Al-Khattab, orang ramai mendirikan solat

³⁷ Riwayat al-Baihaqi dalam kitab al-Kubra, 2/492; dan Malik dalam al-Muwattha', 1/114.

Tarawih di bulan Ramadan sebanyak dua puluh tiga rakaat.³⁸

Telah bersepakat mazhab fiqah yang empat dengan pendapat di atas. Mazhab Hanafi demikian juga. As-Sarakhsi mengatakan mengenai solat Tarawih: Pada kami, solat Tarawih ialah dua puluh rakaat selain daripada solat Witr. Imam Malik berkata: Solat Tarawih mengikut sunnah ialah tiga puluh enam rakaat.³⁹ Manakala Al-Kasani menyokong pendapat tersebut dengan berkata: Adapun bilangan rakaatnya ialah dua puluh rakaat dengan sepuluh salam pada lima tarwihat, setiap dua salam ialah satu tarwihah (sekali rehat) dan ini pendapat kebanyakan para ulama.⁴⁰

Perkara ini dikuatkan lagi dengan apa yang dinukil oleh al-'Allamah Ibnu Abidin dalam kitab Hasyiahnya di mana beliau berkata: Bilangan rakaatnya ialah dua puluh rakaat, ini merupakan pendapat jumhur ulama, berdasarkan pendapat inilah maka semua orang melakukan dua puluh rakaat sama ada di timur mahupun di barat.⁴¹

Adapun mazhab Maliki, pendapat mereka yang masyhur ialah yang selari dengan pendapat jumhur ulama. Al-'Allamah Ad-Dardir berkata: Solat Tarawih di

³⁸ Riwayat al-Baihaqi dalam kitab al-Kubra, 2/492; dan Malik dalam al-Muwattha', 1/115.

³⁹ Al-Mabshut oleh As-Sarkhasi, 2/144.

⁴⁰ Bada'is Shona'i' oleh al-Kasani, 1/288.

⁴¹ Raddul Mukhtar 'alad Durriil Mukhtar al-Musamma bi Hasyaiah Ibn 'Abidin, 2/46.

bulan Ramadan ialah dua puluh rakaat selepas solat Isyak, memberi salam setiap dua rakaat selain daripada solat Witir. Sunat diakhiri solat Tarawih pada setiap malam dengan membaca satu juzu' dan dibahagi-bahagikannya kepada dua puluh rakaat.⁴²

Al-'Allamah An-Nafrawi menjelaskan tentang kuatnya mazhab jumhur dan kesepakatan pengikut-pengikut Imam Malik kepadanya, pendapat Imam Malik yang lain mengatakan: Bahawa salaffussolih iaitu para sahabat Nabi SAW menunaikan solat Tarawih pada zaman khaifah Umar bin Al-Khattab r.a. dengan perintahnya sebagaimana yang telah dijelaskan di dalam masjid dengan dua puluh rakaat. Inilah yang dipilih oleh Imam Abu Hanifah, Imam Syafi'e dan Ahmad dan diamalkan sekarang diseluruh Negara (semua tempat). Kemudian selepas solat dua puluh rakaat, diikuti pula dengan solat Witir tiga rakaat. Ini kerana untuk memilih yang paling baik bukan kerana tiga itu ganjil, yang ganjil ialah satu rakaat sahaja. Ini dibuktikan bahawa sunat dipisahkan antara solat yang genap dengan solat yang ganjil dengan salam dan makruh dicantumkan semuanya kecuali mengikut dengan orang yang melakukan solat sambung seperti solat Maghrib.

Imam Abu Hanifah berkata: Tidak diselangi antara keduanya iaitu solat Witir dengan salam. Imam Syafi'e

⁴² As-Syarhus Shoghair, al-Allamah ad-Dardir, disertainya Hasyiah al-Allamah as-Showi, 1/404-405.

memberi pilihan antara dipisahkan atau dicantumkan. Maka berterusan orang melakukan solat Tarawih dua puluh tiga rakaat di timur dan di barat (di semua tempat). Kemudian selepas berlakunya peperangan al-Hurrah di Madinah, mereka yang hidup di zaman Umar bin Abdul Aziz melakukan solat Tarawih sebanyak tiga puluh enam rakaat selain daripada solat Witr. Inilah yang dipilih oleh Imam Malik dalam kitab Al-Mudawwanah dan dianggapnya amalan yang elok dilakukan dan inilah juga yang diamalkan oleh penduduk Madinah, namun sebahagian pengikutnya telah cenderung kepada pendapat yang pertama iaitu dua puluh rakaat kerana ia telah diamalkan di semua negeri.⁴³

Adapun ulama bermazhab Imam Syafi'e dengan jelasnya mengatakan bahawa solat Tarawih adalah dua puluh rakaat. Imam An-Nawawi r.a. menyebutkan demikian dengan katanya: Mengikut mazhab kami, solat Tarawih itu dua puluh rakaat dengan sepuluh salam selain daripada solat Witr, yang demikian itu ialah ada lima kali tarwihat. Setiap tarwihat ada empat rakaat dengan dua salam, inilah mazhab kami. Pendapat ini juga telah dipilih oleh Imam Abu Hanifah dan para sahabatnya, Imam Ahmad, Daud dan lain-lain lagi, dan telah dinukilkan pendapat ini oleh al-Qadi Iyad daripada jumur ulama. Diceritakan bahawa al-Aswad bin Yazid beliau mendirikan solat Tarawih empat puluh rakaat dan solat Witr dengan tujuh rakaat. Imam Malik berkata: Solat Tarawih itu ada sembilan tarwihat iaitu tiga puluh enam rakaat selain

⁴³ Al-Fawakihud Dawani oleh An-Nafrawi, 1/318-319.

daripada solat Witir, beliau berhujah bahawa penduduk Madinah melakukannya sedemikian.⁴⁴

Mazhab Syafi'e menghimpunkan antara mazhab Maliki dan mazhab Jumhur, di mana mereka memberikan alasan bertambahnya rakaat pada Imam Malik sebagai menggantikan Tawaf di Masjidil Haram. Ibnu Hajar Al-Haithami berkata: Pada kami ia dilakukan oleh selain daripada penduduk Madinah dua puluh rakaat sebagaimana yang diamalkan pada zaman Umar bin Al-Khattab r.a. Dengan mengikut pandangannya yang bernas makmum dihimpunkan mengikut imam yang satu lalu disepakati tindakannya itu, dan mereka solat Witir selepasnya tiga rakaat. Rahsia melakukannya dua puluh rakaat ialah kerana solat sunat Rawatib yang mu'akkad bukan di bulan Ramadan ialah sebanyak sepuluh rakaat, lalu digandakannya pada bulan Ramadhan, kerana ia merupakan waktu yang payah dan getir bagi penduduk Madinah sahaja kerana kemuliaan mereka berdampingan dengan Nabi SAW, tiga puluh enam rakaat sebagai tampalan dengan menambah enam belas menggantikan tawaf ahli Mekah iaitu empat kali tawaf yang tujuh di antara setiap tarwihah daripada dua puluh itu tujuh kali tawaf.⁴⁵

Pendapat ini dikuatkan lagi dengan apa yang disebutkan oleh Al-'Allamah Ar-Ramli, beliau berkata: Solat Tarawih itu dua puluh rakaat dengan sepuluh salam pada setiap malam Ramadan, sebagaimana telah diriwayatkan bahawa mereka melakukan solat Tarawih di zaman pemerintahan saidina Umar bin Al-Khattab r.a. di bulan Ramadan dua puluh rakaat. Mengikut riwayat imam Malik dalam kitab *Al-Muwattha'*

⁴⁴ Al-Majmu' oleh Imam An-Nawawi, 3/527.

⁴⁵ Tuhfatul Muhtaj, Ibnu Hajar Al-Haitami, 2/240-241.

sebanyak dua puluh tiga rakaat. Manakala Al-Baihaqi mencantumkan antara kedua pendapat ini iaitu bahawa mereka solat Witir dengan tiga rakaat. Solat Tarawih secara berjamaah bagi kaum lelaki diimamkan oleh Ubai bin Ka'ab, manakala kaum wanita diimamkan oleh Sulaiman bin Abi Hathmah, dan orang ramai tidak melakukan solat Tarawih secara berjamaah di masjid sehinggalah Saidina Umar menghimpunkan mereka berjamaah di masjid, dan dinamakan setiap empat rakaat dengan tarwihah, kerana mereka berehat selepasnya.⁴⁶

Adapun mazhab Hambali telah menyatakan bahawa yang dipilih oleh Imam Ahmad ialah dua puluh rakaat. Al-'Allamah Ibnu Qudamah Al-Maqdisi berkata: Yang dipilih oleh Abi Abdillah (Imam Ahmad) pada solat Tarawih ialah dua puluh rakaat. Pendapat ini juga telah dipilih oleh As-Thauri, Abu Hanifah dan Syafi'e. Imam Malik mengatakan tiga puluh enam rakaat. Dia menyatakan bahawa ianya merupakan perkara yang sudah lama berkaitan dengan amalan penduduk Madinah. Soleh tuan kepada Tau'amah berkata: Aku dapati orang ramai mengerjakan solat Tarawih empat puluh satu rakaat, termasuk solat Witir sebanyak lima rakaat.⁴⁷

Demikian juga orang yang telah dinukil oleh Al-'Allamah Al-Bahuti, pendapat yang muktamad daripada mazhab Hambali yang mengatakan mengenai solat Tarawih: Dinamakan demikian kerana mereka berehat setiap empat rakaat. Ada pendapat yang mengatakan, perkara Tarawih itu diambil daripada perkataan 'marawahah' iaitu berulangannya perbuatan yang sama dua puluh rakaat solat di bulan Ramadan.

⁴⁶ Nihayatul Muhtaj oleh ar-Ramli, 2/127.

⁴⁷ Al-Mughni oleh Ibn Qudamah, 1/456.

Sebagaimana apa yang telah diriwayatkan oleh Imam Malik daripada Yazid bin Rauman, katanya: Orang ramai mengerjakan solat pada bulan Ramadan di zaman Umar bin Al-Khattab sebanyak dua puluh tiga rakaat.⁴⁸

Seinggakan Ibnu Taimiyah – tokoh yang menjadi sandaran bagi kebanyakan mereka yang begitu ekstrim - mengakui apa yang dipegang oleh para ulama dan mengiktiraf bahawa ianya merupakan sunnah pada kebanyakan para ulama, beliau berkata: Serupa halnya dari satu segi percanggahan ulama mengenai bilangan rakaat solat Tarawih di bulan Ramadan, telah sabit bahawa Ubai bin Ka'ab yang telah mengimamkan solat Tarawih dua puluh rakaat dan solat Witir tiga rakaat. Kebanyakan ulama berpendapat bahawa yang demikian itu adalah sunnah, kerana diamalkan oleh orang Muhajirin dan Ansor dan tidak ada sesiapa pun yang menentangnya. Dan yang lain menghukumkan sunat dilakukan solat Tarawih sebanyak tiga puluh sembilan rakaat, ini berdasarkan kepada amalan penduduk Madinah yang dahulu. Ada golongan yang mengatakan: Terdapat hadis sahih daripada Aisyah: Bahawa nabi SAW tidak menambah solat sunat sama ada di bulan Ramadan dan lainnya tidak lebih daripada tiga belas rakaat. Dalam soal ini terdapat kekalutan di kalangan ulama, di mana mereka menganggap ianya bercanggah dengan hadis yang sahih, amalan khulafa' ar-rasyidin dan amalan umat Islam. Yang betulnya, kesemuanya itu adalah baik.⁴⁹

Daripada perbincangan yang lalu, kita dapati apa yang diperkatakan oleh pemimpin ummah, para ulama dan mazhab-

⁴⁸ Kassiyaful Qina' oleh Al-Bahuti, 1/425.

⁴⁹ Al-Fatawa Al-Kubra, Ibnu Taimiyah, 2/249.

mazhab fiqah sepanjang zaman dulu dan sekarang, di timur dan di barat, bahawa solat Tarawih itu adalah dua puluh rakaat. Hukumnya ialah sunat mu'akkad bukan wajib. Sesiapa yang meninggalkannya dia tidak mendapat sebarang ganjaran yang besar, dan sesiapa yang menambah lebih daripada dua puluh rakaat tidak mengapa dan sesiapa yang mengurangkan daripadanya juga tidak mengapa. Walaupun begitu, ia dianggap sebagai menghidupkan malam Ramadan bukan sebagai solat sunat Tarawih yang dua puluh rakaat itu. Wallahu a'lam.

Soalan 5

Apakah hukum memperdengarkan bacaan Al-Quran melalui kaset atau bacaan qari untuk mengumpulkan orang ramai sebelum bermula khutbah Jumaat?

Jawab

Disunatkan mengumpulkan orang ramai dengan memperdengarkan bacaan al-Quran al-Karim pada hari Jumaat di masjid-masjid sebelum khatib naik ke mimbar untuk berkhotbah Jumaat, sama ada bacaan itu dibaca oleh qari atau diperdengarkan melalui

kaset. Tidak ada apa-apa masalah dalam soal ini, kerana membaca al-Quran itu disunatkan oleh syarak, lebih-lebih lagi sekiranya qari tersebut orang yang mahir seperti pembaca al-Quran itu biasa membaca al-Quran di radio atau televisyen, kerana terdapat hadis mengenainya daripada Nabi SAW sabdanya:

الَّذِي يَقْرَأُ الْقُرْآنَ وَهُوَ مَاهِرٌ بِهِ مَعَ السَّفَرَةِ الْكِرَامِ الْبَرَّةِ،
وَالَّذِي يَقْرَأُهُ وَهُوَ شَدِيدٌ عَلَيْهِ - أَيِ وَهُوَ عَلَيْهِ شَاقٌّ - فَلَهُ
أَجْرَانِ.

“Pembaca al-Quran yang mahir mereka adalah bersama-sama dengan para malaikat yang mulia, lagi yang berbakti, dan orang yang susah membaca al-Quran baginya mendapat dua pahala”⁵⁰

Demikian juga dengan pendengarnya diperintahkan oleh syarak supaya dia mendengar dengan teliti dan diam sebagai firman Allah:

وَإِذَا قُرِئَ الْقُرْآنُ فَاسْتَمِعُوا لَهُ وَأَنْصِتُوا لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿٢٠٤﴾

“Dan apabila al-Quran itu dibacakan, maka dengarlah akan Dia serta diamlah (dengan sebulat-bulat ingatan untuk mendengarnya), supaya kamu beroleh rahmat.” (Al-A’raf: 204)

Oleh itu, sekiranya di sana tidak terdapat sebarang larangan mengenai bacaan al-Quran pada masa yang tersebut itu, hukum asal mengenainya adalah sunat.

⁵⁰ Riwayat al-Bukhari dalam kitab *Sohih al-Bukhari* 1/188; dan Muslim dalam *Sohih Muslim* 1/549.

Soalan 6

Betulkah azan dua kali dalam Solat Jumaat itu bid'ah?

Jawab

Disyariatkan azan itu adalah untuk memaklumkan kepada orang ramai masuknya waktu solat dan

mengingatkan mereka supaya bersiap sedia untuk bersolat; dan disyariatkan iqamah pula supaya bersegera bangun untuk menunaikan solat; dan disyariatkan satu azan untuk setiap solat fardhu.

Azan disyariatkan pada tahun pertama selepas hijrah, sebagaimana yang sabit pada hadis mimpi Abdullah Ibnu Zaid dan Umar Ibnu Al-Khattab.⁵¹

Pada zaman Nabi SAW dan di zaman pemerintahan khalifah Abu Bakar dan Omar, setiap solat fardu mempunyai hanya satu azan dan satu iqamah. Solat Jumaat juga seperti solat fardhu, tetapi pada zaman pemerintahan Uthman azan kedua ditambahnya kerana terdapat keperluan iaitu orang Islam semakin ramai. Telah diketahui umum bahawa azan itu pada asalnya disyariatkan untuk mendirikan solat. Oleh itu tidak ada halangan untuk

⁵¹ Riwayat At-Tirmizi dalam kitab Sunan At-Tirmizi 1/359; Ibn Hibban dalam kitab Sunan Ibn Hibban 4/572; dan Ibn Khuzaimah 1/193.

menambah azan pada masa orang sangat memerlukan kepadanya, sebagaimana apa yang dilakukan oleh Bilal a.s. ketika mengerjakan solat sunat wuduk dan sebagaimana yang telah dijelaskan di dalam persoalan mengenai melakukan perkara-perkara yang Nabi SAW tinggalkan.

Imam Al-Bukhari telah meriwayatkan hadis tentang Saidina Uthman telah menambah azan kedua, daripada as-Saib Ibnu Yazid katanya:

كَانَ النَّدَاءُ يَوْمَ الْجُمُعَةِ أَوَّلَهُ إِذَا جَلَسَ الْأَمَامُ عَلَى الْمِنْبَرِ عَلَى
عَهْدِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ
عَنْهُمَا، فَلَمَّا كَانَ عُثْمَانُ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ وَكَثُرَ النَّاسُ، زَادَ النَّدَاءَ
الثَّلَاثَ عَلَى الزَّوْرَاءِ.

“Pada mulanya azan pada hari Jumaat itu adalah semasa khatib duduk di atas mimbar di zaman nabi SAW, Abu Bakar dan Umar r.a. di zaman Saidina Uthman manakala orang Islam semakin ramai ditambah azan ketiga di atas menara.” Imam Bukhari menamakan azan yang ketiga kerana iqamah itu dinamakan sebagai azan. (Riwayat Al-Bukhari dalam Sohih Al-Bukhari 1/309)

Apa yang dilakukan oleh Saidina Uthman bukanlah sesuatu yang pelik pada pandangan umat Islam pada masa itu, ia telah dipersetujui oleh para sahabat di zamannya dan

berterusan perkara tersebut pada pemerintahan Saidina Ali Ibnu Abi Thalib hinggalah ke hari ini. Imam Al-Bukhari telah meriwayatkan dalam hadis yang sama dengan riwayat yang lain dengan tambahan:

سَمِعْتُ السَّائِبَ بْنَ يَزِيدٍ يَقُولُ: إِنَّ الْأَذَانَ يَوْمَ الْجُمُعَةِ كَانَ أَوَّلَهُ حِينَ يَجْلِسُ الْأَمَامُ يَوْمَ الْجُمُعَةِ عَلَى الْمِنْبَرِ فِي عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، فَلَمَّا كَانَ فِي خِلَافَةِ عُثْمَانَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ وَكَثُرُوا، أَمَرَ عُثْمَانُ يَوْمَ الْجُمُعَةِ بِالْأَذَانِ الثَّلَاثِ، فَأُذِّنَ بِهِ عَلَى الزُّورَاءِ، فَثَبَّتَ الْأَمْرُ عَلَى ذَلِكَ.

"Daripada az-Zuhri katanya: Aku mendengar As-Saib Ibnu Yazid berkata bahawa azan pada hari Jumaat yang pertama ialah ketika khatib duduk di atas mimbar di zaman Nabi SAW, semasa pemerintahan Abu Bakar dan Umar r.a. maka di zaman pemerintahan Uthman r.a. dan ketika itu orang Islam semakin ramai, Saidina Uthman memerintahkan supaya dilakukan azan ketiga pada hari Jumaat, maka dilakukan azan di atas menara, maka sabitlah perkara itu dilakukan secara berterusan.⁵²

⁵² Riwayat al-Bukhari dalam Sohih al-Bukhari 1/310; Abu Daud dalam Sunan Abu Daud 1/285.

Ibnu Hajar al-'Asqalani mengatakan: Yang jelasnya, semua orang mengikut apa yang dilakukan oleh Saidina Uthman di semua tempat pada ketika itu, kerana beliau merupakan khalifah yang wajib ditaati. Kata Ibnu Hajar lagi: Semua perkara yang tidak dilakukan pada zaman Rasulullah SAW dinamakan bid'ah (perkara baru yang diada-adakan), tetapi dalam soal bid'ah ini ada yang bid'ah baik dan ada yang sebaliknya. Dari perkara yang telah disebutkan ini telah jelas, Saidina Uthman melakukannya bertujuan untuk mengingatkan orang ramai tentang masuknya waktu solat, ini dikiaskan sama dengan solat fardu yang lain. Maka kekallah pengkhususan untuk solat Jumaat iaitu azan ketika khatib hendak berkhotbah.⁵³ Hukum ini diambil dari maksud asal azan itu dilaungkan, maka hukum ini tidak terbatal.

Diketahui dari penjelasan ini bahawa azan kedua pada hari Jumaat itu merupakan sunnah dibuat oleh Saidina Uthman r.a. Ini berdasarkan sabda Rasulullah SAW:

مَنْ يَعِشْ مِنْكُمْ بَعْدِي فَسَيَجِدْ إِخْتِلَافًا كَثِيرًا، فَعَلَيْكُمْ بِسُنَّتِي،
وَسُنَّةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ.

“Sesiapa yang masih hidup diantara kamu selepasku akan mendapati banyak perbezaan, justeru hendaklah kamu mengikut sunnahku dan sunnah al-Khulafa' ar-Rasyidin al-Mahdiyyin.”

⁵³ Ibn Hajar dalam kitab Fath al-Bari, 2/394

Riwayat Ibnu Hibban dalam kitab Sohih Ibnu Hibban 1/179; al-Hakim dalam kitab al-Mustadrak 1/174 memberi petunjuk: *Saidina Uthman merupakan salah seorang Khulafa' ar-Rasyidin dan telah sepakat diterima azan kedua pada hari Jumaat diamalkan semenjak para sahabat hingga ke hari ini. Sesiapa yang mencela dan menolaknya, maka ia telah menolak ijmak dan syiar Islam yang diterima oleh para ulama sepanjang zaman, dan dikhuatiri boleh menimbulkan sesuatu yang lebih merbahaya dengan menolak perkara ini."*

Di masjid kami di Kaherah, terdapat dua azan pada hari Jumaat demikian juga di Masjidil Haram iaitu sebaik-baik masjid dan di Masjid Nabawi di Madinah hingga ke hari ini. Semoga Allah mengurniakan ketetapan hati kepada umat Nabi Muhammad mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan hukum syarak.

Soalan 7

Apakah hukum membaca al-Quran untuk si mati di kubur, adakah sampai pahalanya?

Jawab

Para ulama telah sepakat mengatakan bahawa membaca al-Quran di atas kubur itu tidaklah dihukumkan haram dan tidak berdosa pelakunya.

Jumhur ulama dari kalangan mazhab Hanafi, Syafie dan Hambali mengatakan bahawa ia adalah disunatkan melakukannya, ini berdasarkan hadis riwayat daripada Anas katanya:

إِنَّ مَنْ دَخَلَ الْمَقَابِرَ فَقَرَأَ (يَسَ) خُفِّفَ عَنْهُمْ يَوْمَئِذٍ، وَكَانَ لَهُ بَعْدَهُمْ حَسَنَاتٍ.

Sesiapa yang masuk ke kawasan perkuburan lalu membaca surah Yasin, nescaya diringankan siksa daripada mereka pada hari itu, dan baginya beroleh kebaikan dengan melakukan demikian. (Diriwayatkan oleh Sohibul Khilal dengan sanadnya yang disebutkan oleh Ibnu Qudamah dalam kitab al-Mughni 2/225; dan Sohib Tuhfah al-Ahwadzi 3/275)

Terdapat riwayat daripada Ibnu Umar r.a bahawa beliau berwasiat: *Apabila beliau dikebumikan nanti hendaklah dibaca awal dan akhir surah al-Baqarah di sisinya. (Ibnu Qudamah, al-Mughni 2/225; dan Tuhfah al-Ahwadzi, 3/275)*

Adapun mazhab Maliki mengatakan makruh membaca al-Quran di atas kubur, tetapi Syeikh ad-Dardir r.a berkata: *Ulama mutakhir mengatakan tidak mengapa membaca al-Quran di atas kubur dan juga berzikir dijadikan pahala bacaannya dihadiahkan kepada si mati, amalan ini beroleh pahala insya-Allah.*⁵⁴

Pendapat mereka yang menolak amalan ini adalah lemah dan mazhab mereka yang mengharuskan membaca al-Quran dan membolehkannya adalah lebih kuat, sehingga terdapat ulama yang berpendapat bahawa masalah ini adalah masalah ijmak ulama. Antara ulama yang menyebutkannya sebagai ijmak ialah Imam Ibnu Qudamah al-Maqdisi al-Hambali di mana beliau berkata: Apa juga cara menghampirkan diri kepada Allah yang dilakukannya dan dijadikan pahala bacaannya untuk si mati, ia memberi manfaat kepada si mati insya-Allah... seterusnya beliau menambah: Setengah ulama berkata: Apabila dibaca al-Quran di sisi si mati atau dihadiahkan pahala bacaan kepadanya, maka pahala bacaannya adalah kepada

⁵⁴ Ad-Dardir dalam Syarah al-Kabir dan dicetak dicatitan kakinya Hasyiah ad-Dasuqi 1/432.

pembacanya seolah-olahnya si mati hadir bersamanya dan diharapkan rahmat baginya. Bagi kami apa yang kami jelaskan ianya ijmak umat Islam. Mereka di setiap masa dan tempat berhimpun, membaca al-Quran dan menghadiahkan pahala bacaannya kepada si mati tanpa ada dari kalangan mereka yang menolaknya.⁵⁵

Yang mengatakan ijmak juga ialah Syeikh al-Uthmani, beliau mengatakan: Mereka sepakat bahawa istighfar, doa, sedekah, haji dan memerdekakan hamba itu memberi manfaat kepada si mati dan pahalanya sampai kepada mereka dan membaca al-Quran di kubur itu disunatkan.⁵⁶

Para ulama menyatakan bahawa sampainya pahala membaca al-Quran kepada si mati, mereka berhujah berdasarkan keharusan menggantikan ibadat haji dan sampai pahala kepadanya. Ini kerana ibadat haji termasuk juga di dalamnya solat, dan solat mengandungi bacaan fatihah dan lainnya. Maka jika sampai pahala semuanya maka setengahnya pun sampai juga. Oleh itu pahala membaca al-Quran sampai kepada si mati dengan izin Allah terutama jika si pembaca berdoa supaya Allah memberikan seumpama pahala bacaannya kepada si mati.

Berdasarkan perbincangan yang lalu, kebanyakan para ulama malah setengahnya mengatakan ijmak ke atas mengenai keharusan membaca al-Quran kepada si mati sebagaimana yang telah dijelaskan. Adapun

⁵⁵ Ibn Qudamah dalam kitab al-Mughni 2/225.

⁵⁶ Syeikh al-Uthmani dalam kitab Rahmatul Ummah fi Ikhtilaf al-Aimmah.

menghadiahkan pahala bacaan kepada si mati adakah ianya sampai kepada si mati? Jumhur ulama mengatakan sampai. Mazhab Syafie berpendapat bahawa ianya sampai kepada si mati sama seperti si pembaca berdoa, umpamanya: Ya Allah jadikanlah pahala apa yang aku baca ini untuk si pulan, bukan menghadiahkan bacaan itu, tetapi pahalanya. Ini hanyalah perbezaan yang kecil yang tidak sewajarnya berlaku dalam persoalan sebegini.

Soalan 8

Apakah hukum bersalaman sesama jemaah selepas solat beriemaaah ?

Jawab

Pada asalnya, bersalaman itu hukumnya harus. Imam An-Nawawi berkata: Ketahuilah

bahawa bersalaman itu hukumnya adalah sunat yang telah diijmakkan ketika berjumpa.⁵⁷ Ibnu Battal berkata: Besalaman itu asalnya adalah amalan yang baik di sisi kebanyakan ulama.⁵⁸

Kebanyakan ulama fiqah dalam semua mazhab mensunatkan bersalaman sesama lelaki. Mereka mengambil dalil daripada beberapa hadis sahih dan hadis hasan, antaranya:

1. Diriwayatkan oleh Ka'ab Ibnu Malik katanya: Aku masuk ke masjid, aku dapati Rasulullah SAW berada di masjid, baginda berdiri bersama Thalhah Ibnu Abdillah kemudian baginda menuju kepadaku dan

⁵⁷ Fathul Bari, Ibn Hajar, 11/55 menukil pendapat an-Nawawi.

⁵⁸ Fathul Bari, Ibn Hajar, 11/55 menukil pendapat an-Nawawi; dan Tuhfah al-Ahwadzi, 7/426.

bersalaman denganku serta mengucapkan tahniah kepadaku.⁵⁹

2. Daripada Qatadah katanya: Aku bertanya kepada Anas: Adakah para sahabat Nabi ada bersalaman, dia menjawab, ia memang ada.⁶⁰
3. Diriwayatkan daripada 'Atha' Ibnu Abi Muslim Abdullah al-Kharasani katanya: Rasulullah SAW bersabda: Bersalamlah kamu kerana ia menghilangkan perasaan iri hati dan hasad dengki. Bertukar-tukarlah memberikan hadiah nescaya akan menimbulkan perasaan kasih sayang dan dapat menghilangkan perseteruan.⁶¹

Adapun bersalaman selepas solat tidak ada seorang ulama pun yang mengharamkannya, bahkan mereka menghukumkannya sunat. Ia merupakan bid'ah hasanah atau bid'ah yang diharuskan.

Imam an-Nawawi telah menghuraikan masalah ini dengan berkata: Jika sekiranya seseorang itu belum bersalaman sebelum solat, maka bersalaman selepas solat adalah sunnah yang baik, dan jika dia telah bersalaman sebelum solat, maka ia adalah harus.⁶²

⁵⁹ Riwayat Ahmad dalam Musnadnya, 3/458; dan Al-Bukhari dalam Sohihnya, 4/1608; dan Muslim dalam Sohihnya, 4/2126.

⁶⁰ Riwayat Bukhari dalam Sohihnya, 5/2311; dan Ibn Hibban dalam Sohihnya, 2/245.

⁶¹ Riwayat Ad-Dailami dalam Musnad al-Firdaus, 2/47.

⁶² Al-Majmu', Imam An-Nawawi, 3/469-470.

Al-Hashkafi berkata: Pengarang kitab ini iaitu At-Tamartasyi telah menyebut tentang perkara ini kerana mengikut apa yang ada di dalam kitab ad-Durar, al-Katar, al-Wiqayah, an-Niqabah, al-Majma', al-Multaqa dan lainnya dengan menghukum harus sama sekali bersalaman sekalipun selepas solat Asar. Mereka yang mengatakan perkara ini bid'ah termasuk di dalam bid'ah yang harus dan baik sebagaimana dipetik daripada Imam Nawawi dalam kitab al-Azkar.⁶³

Ibnu Abidin mengulas lanjut mengenai perkara tersebut selepas menyebutkan pendapat mereka yang menghukumkan bid'ah dengan berkata: Ini bertepatan dengan apa yang disebutkan oleh pensyarah kitab ini yang mengatakan bahawa nas mengenainya adalah umum, ini berdasarkan umumnya nas yang terdapat dalam masalah keharusan bersalaman.⁶⁴

Ulama mengatakan harusnya bersalaman selepas solat secara mutlak tanpa mengira waktu. At-Thobari tertarik dengan apa yang diriwayatkan oleh Ahmad dan Bukhari daripada Abi Jahifah katanya: Rasulullah SAW telah keluar pada waktu tengahari ke satu kawasan lapang, lalu baginda berwuduk kemudian solat Zuhur dua rakaat dan Asar dua rakaat. Dihadapan baginda dipacak sebatang tongkat untuk dijadikan sutrah (penghadang untuk membolehkan orang lalu di hadapan orang yang sedang solat) dan orang

⁶³ Ad-Darul Mukhtar, al-Hashkafi, dicetak pada nota kakinya oleh Ibn 'Abidin, 6/380.

⁶⁴ Raddul Mukhtar 'alad Durril Mukhtar yang terkenal dengan nama Hasyiah Ibn Abidin, 6/381.

perempuan lalu di belakang tongkat tersebut. Kemudian orang ramai bangun bersalaman dengan Nabi lalu disapukan tangan baginda ke muka mereka. Abu Juhaifah berkata: Aku pun bersalaman dengan Nabi dan aku letakkan tangan baginda ke mukaku, aku dapati tangannya sejuk bagaikan air batu dan baunya lebih wangi daripada minyak kasturi.⁶⁵

Al-Muhibut Thobari berkata: Dia tertarik dengan pendapat tersebut kerana ia bertepatan dengan apa yang dilakukan oleh orang ramai dengan bersalaman selepas solat berjemaah, terutamanya selepas solat Asar dan Maghrib, jika disertai dengan niat yang baik seperti untuk mengambil berkat atau untuk merapatkan silaturrahim dan sebagainya.

Adapun al-Izzu Abdul Salam setelah beliau membahagikan bid'ah kepada lima jenis, iaitu wajib, haram, makruh, sunat dan harus, beliau berkata: Bid'ah yang diharuskan itu banyak, antara contohnya ialah bersalaman selepas solat berjemaah Subuh dan Asar.⁶⁶

Imam An-Nawawi: Adapun bersalaman seperti yang baisesa dilakukan selepas solat Subuh dan Asar, maka As-Syeikh Imam Abu Muhammad Ibnu Abdus Salam telah menyebutkan: "Bahawa ia adalah salah satu daripada bid'ah yang diharuskan dan bukan makruh atau sunat."

⁶⁵ Riwayat Bukhari dalam Sohihnya, 3/1304.

⁶⁶ Qawa'idul Ahkam fi Mashalihil Anam, al-Izzu bin Abdul Salam, 2/205.

Apa yang dikatakan oleh Imam Abu Muhammad ini adalah satu perkara yang elok. Namun, pendapat yang dipilih ialah: Jika seseorang itu telah bersalaman sebelum menunaikan solat, maka hukum bersalaman selepas solat adalah harus, seperti yang telah disebutkan dahulu. Jika dia belum bersalaman sebelum solat, maka bersalaman selepas solat itu adalah sunat. Ini kerana bersalaman ketika berjumpa itu hukumnya adalah sunat mengikut ijmak ulama dan terdapat hadis yang sahih mengenainya.⁶⁷

⁶⁷ Al-Majmu', Imam An-Nawawi, 3/469-470.

Soalan 9

Apakah hukum bertakbir di hari raya? Apakah hukum sekiranya bertakbir dengan lafaz yang masyhur yang terdapat dalam solat hari raya yang ada padanya tambahan daripada lafaz yang terdapat dalam hadis, kemudian diikuti dengan selawat diakhirnya?

Jawab

Takbir di hari raya hukumnya adalah sunat. Firman Allah:

وَلْتُكَبِّرُوا لِلَّهِ عَلَىٰ مَا
 هَدَيْنَاكُمْ وَلَعَلَّكُمْ
 تَشْكُرُونَ ﴿١٨٥﴾

“Dan supaya kamu membesarkan Allah kerana mendapat petunjukNya, dan supaya kamu bersyukur.” (Al-Baqarah, 185)

Perintah bertakbir adalah umum, iaitu tidak ada nas daripada sunnah yang mengikat perintah yang umum itu dengan lafaz tertentu yang ditetapkan kepada umat Islam, sehingga jika menyalahinya dihukumkan bid'ah.

Lafaz yang masyhur daripda kebanyakan para sahabat dan tabi'in ialah:

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

Terdapat juga tambahan dan perbezaan lafaz daripada setengah para sahabat dan ulama salaf. Al-Baihaqi telah menukilkan daripada Ibnu Abas r.a. mengenai perkara tersebut dengan katanya: Kami meriwayatkan daripada 'Ikrimah daripada Ibnu Abas, bahawa dalam takbir ini ada tambahan:

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ . اللَّهُ أَكْبَرُ وَأَجَلُّ ، اللَّهُ أَكْبَرُ عَلَى مَا هَدَانَا.⁶⁸

Justeru itu, Imam Syafi'e berkata: Imam memulakan dengan mengucapkan:

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ

Sebanyak 3 kali, jika ditambah takbir lagi baik. Jika ingin menambah lagi, bacalah:

اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا ، وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً

⁶⁸ Al-Baihaqi dalam Sunan Sughra, 1/404; dan dalam Sunan Kubra, 3/315.

وَأَصِيلاً، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلَا نَعْبُدُ إِلَّا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ، وَلَوْ
 كَرِهَ الْكَافِرُونَ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، صَدَقَ وَعْدُهُ، وَنَصَرَ
 عَبْدَهُ، وَهَزَمَ الْأَحْزَابَ وَحْدَهُ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَاللَّهُ أَكْبَرُ.
 فَحَسَنٌ، وَمَا زَادَ مَعَ هَذَا مِنْ ذِكْرِ اللَّهِ أَحَبُّبُهُ.

“Allah Maha Besar dengan segala kebesarannya, dan segala puji bagi Allah banyak-banyak, dan Maha Suci Allah pada waktu pagi dan petang. Allah Maha Besar, dan tidak ada yang kami sembah kecuali kepada Allah dengan mengikhlasakan beribadat kepada Allah, sekalipun dibenci oleh orang-orang kafir. Tidak ada Tuhan melainkan Allah yang Maha Esa, yang benar segala janjinya, yang memberikan pertolongan kepada hamba-hambanya, dan yang menghancurkan leburkan musuh kerana ke Esaannya. Tidak ada Tuhan melainkan Allah. Allah Maha Besar.”

Ini adalah baik dan zikir yang ditambah seperti inilah yang paling aku sukai.⁶⁹

Al-Jalal al-Mahalli berkata: Lafaz yang disukai ialah:

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ
 أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

⁶⁹ Al-Um, Imam As-Syafi'e, 1/276.

Sunat ditambah selepas takbir ketiga (وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا، (وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا (اللَّهُ أَكْبَرُ) (كَبِيرًا))

kemudian selepas (وَأَصِيلًا) ialah (لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ،)

وَلَا نَعْبُدُ إِلَّا إِيَّاهُ، مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ، وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُونَ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، صَدَقَ وَعْدُهُ، وَنَصَرَ عَبْدُهُ، وَهَزَمَ الْأَحْزَابَ وَحْدَهُ. ⁷⁰

Lafaz inilah yang digunakan oleh orang Mesir sejak berzaman lagi dan mereka menambah selawat ke atas Nabi SAW:

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى أَصْحَابِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى أَنْصَارِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى أَزْوَاجِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى ذُرِّيَّةِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.

⁷⁰ Syarah Jalaluddin Al-Mahilli, 'ala Minhajut Tholibin, 1/358, dicatat kaki terdapat Hasyiah Qalyubi dan Umairah.

Kesemuanya itu adalah baik dan dituntut melakukannya. Ia merupakan zikir kepada Allah sebagaimana yang disebutkan oleh Imam as-Syafi'e mengenainya, beliau berkata: Setiap zikir kepada Allah yang ditambah selepas itu, itulah yang paling aku sukai. Sesungguhnya zikir yang paling afdhal ialah kombinasi zikir kepada Allah dan rasulNya, sebagaimana selawat dan salam kepada Nabi SAW ketika mula beramal menjadi anak kunci penerimaan doa, ianya dimakbulkan selamanya sehingga permintaan orang yang munafik sebagaimana yang telah dijelaskan oleh ulama, kerana ianya berkaitan dengan Rasulullah SAW.

Berdasarkan kepada perbincangan ini, sesiapa yang mendakwa bahawa orang yang membaca lafaz takbir yang masyur itu melakukan bid'ah, maka orang yang mengatakan itu sebenarnya melakukan bid'ah, kerana mereka cuba menyempitkan perkara yang luas dan menyempitkan apa yang dibolehkan oleh Allah dan rasulNya dan mengkhususkan perkara yang umum tanpa dalil.

Kita mengambil sikap sebagaimana yang diambil oleh ulama salafus-soleh dengan menganggap lafaz tersebut adalah lafaz yang elok dan menerimanya serta kebanyakan orang mengamalkannya bertepatan dengan kehendak syariat yang mulia dan tidak menyalahinya. Larangan orang yang melarang menyebut lafaz tersebut adalah tidak betul, jangan dipedulikan dan jangan didengar cakap mereka. Wallhu a'lam.

Soalan 10

Apakah hukum membina mihrab di masjid, adakah ia bid'ah yang diharamkan?

Jawab

Pada zaman Rasulullah SAW, di Masjid nabawi tidak ada mihrab (tempat khas untuk imam), demikian juga pada zaman para khalifah selepasnya. Orang yang memperkenalkan mihrab ini ialah Umar bin Abdul Aziz. Beliau menyuruh Al-Walid bin Abdul Malik sebagai Gabnor Madinah al-Munawwarah ketika bangunan lama dirobuhkan pada tahun 91 Hijrah untuk membina mihrab. Ada yang mengatakan tahun 88 Hijrah dan telah siap pada tahun 91 Hijrah di mana pada tahun tersebut Al-Walid menunaikan fardu haji.

Para fuqaha' (ulama fiqah) berselisih pendapat tentang hukum menggunakan mihrab ini, Imam Syafi'e menghukumkannya makruh, manakala jumhur ulama pula mengharuskan dan menghukumkannya sunat. Ini dapat dilihat dari ungkapan golongan ulama Hanafi dan Maliki. Adapun ulama Hambali telah menjelaskan hukum tersebut seperti yang disebutkan oleh Ibnu Muflih katanya: Ibnu Tamim berkata: Membina masjid itu hukumnya harus dan

diharuskan menggunakan mihrab di dalamnya demikian juga di rumah-rumah. Syeikh Wajihuddin bin al-Munji dalam kitab Syarah al-Hidayah mengatakan: Membina masjid itu sunat hukumnya dan terdapat hadis yang menggalakkan membinaanya. Perbincangan ini akan disebut di akhir kitab Ar-Riayah, iaitu bahawa membina masjid itu fardhu kifayah hukumnya. Ibnu 'Uqail berkata: Sayugia membina mihrab di masjid, untuk menjadi petunjuk kepada orang yang jahil. Ibnu al-Jauzi dan lainnya mengakuinya telah berkata sebahagian ulama diharuskan menggunakan mihrab, kerana terdapat nas padanya. Kata sebahagian ulama yang lain: Disebutkan membina mihrab, dan Imam Ahmad memperakunya.⁷¹

Berdasarkan kepada huraian di atas, kita berpendapat harus menggunakan mihrab di masjid di mana dalam persoalan ini terdapat kesepakatan para ulama dan demi menjaga kepentingan umat Islam. Wallahu a'lam.

⁷¹ Al-Adab As-Syar'iyah, Ibn Muflih, 3/405.

Soalan 11

Adakah kaum wanita dibolehkan mengerjakan solat Tarawih dan solat-solat fardhu di masjid atau di rumahya?

Jawab

Kaum wanita boleh mengerjakan solat Tarawih di mana tempat yang sukainya. Mereka boleh solat Tarawih di rumah sahaja dan boleh

juga solat di masjid dengan meminta di mana mungkin ia boleh mendapat bantuan keluarga dan rakan-rakannya untuk meningkatkan ibadah.

Persoalannya bukan terletak pada tempat, tetapi yang penting ialah solat Tarawih di tempat yang hatinya menjadi mantap, dan boleh mendapatkan khusyu' kepada Tuhannya sama ada di rumah atau di masjid. Imam Syafi'e telah menyamakan ganjaran pahala solat Tarawih sama ada di rumah atau di masjid bagi kaum lelaki dan wanita.

Mengikut Imam Syafi'e, kaum wanita jangan dihalang untuk pergi ke masjid sama ada untuk majlis ilmu atau solat Tarawih atau untuk membaca al-Quran. Ini yang diajarkan oleh nabi SAW dengan sabdanya:

لَا تَمْنَعُوا إِمَاءَ اللَّهِ مَسَاجِدَ اللَّهِ

Jangan kamu melarang hamba-hamna Allah yang perempuan di masjid Allah.⁷²

Adapun sabda Nabi SAW: (صَلَاتُكَ فِي بَيْتِكَ خَيْرٌ) kamu solat di rumah itu lebih baik, ialah berdasarkan kepada yang afdhal bagi kaum wanita itu melindungi diri bukan mendedahkan kepada pandangan kaum lelaki. Adapun kaum wanita yang keluar rumah untuk membeli keperluan hariannya dan untuk bersuar-siar dan sebagainya, kesemuanya itu adalah harus. Tidak berdosa keluar ke masjid. Oleh itu, tidak sewajarnya kaum lelaki menghalang mereka daripada melakukan yang sedemikian itu. Wallahu a'lam.

⁷² Riwayat Ahmad dalam Musnadnya, 2/16; Bukhari dalam Sohihnya, 1/305; dan Muslim dalam Sohihnya, 1/327.

Soalan 12

Apakah hukum membaca al-Quran dalam solat dengan melihat mushaf Al-Quran?

Jawab

Saidatina 'Aisyah r.a. telah mengerjakan solat berimamkan pembantu-nya yang bernama Dzakwan, beliau membaca mushaf al-

Quran di hadapannya semasa mengimamkan solat Saidatina 'Aisyah.⁷³

Justeru itu, Imam Syafi'e dan Hambali mengharuskan perbuatan tersebut. Dalam soal ini Imam Syafi'e menambah bahawa solat seseorang itu tidak batal sekalipun dia membaca bahan bertulis yang bukan al-Quran.

Imam An-Nawawi telah menukilkan masalah ini di dalam kitabnya dengan berkata: Jika sekiranya seseorang itu membaca al-Quran dengan memegang mushaf tidak membatalkan solatnya, sama ada dia hafal atau tidak, malahan wajib ia memegang mushaf jika sekiranya dia tidak hafal surah al-Fatihah. Jika sekiranya dia membalik-balikkan helaian Quran dalam solatnya tidak batal solatnya. Jika sekiranya dia melihat bahan bertulis yang bukan al-Quran

⁷³ Bukhari dalam *Sohihnya*, 1/245, bab pembantu menjadi imam kepada tuannya; Ibn Abi Syaibah dalam *Musannifnya*, 2/123; dan Al-Baihaqi dalam *Al-Kubra*, 2/253.

dan dia membacanya berulang kali di dalam hati tidak batal solatnya, sekalipun dia mengambil masa yang lama, tetapi makruh sahaja. Ini telah dijelaskan oleh imam Syafi'e dalam kitab al-Imla' dan ia telah disepakati oleh para ulama mazhab Syafie.⁷⁴

Syeikh Ar-Ruhaibani telah menukikan pendapat mazhab Ahmad dengan katanya: Harus bagi orang yang solat membaca dan memegang mushaf. Imam Ahmad berkata: Tidak mengapa orang yang menjadi imam berdiri sedang dia memandangi mushaf al-Quran. Ditanya kepadanya, adakah itu solat fardhu? Dijawabnya, aku tidak mendengar sesuatu mengenainya.

Az-Zuhri ditanya mengenai seorang yang membaca mushaf ketika solat pada bulan Ramadan, dijawabnya: Kami pilih membaca dengan melihat mushaf Al-Quran.⁷⁵

Walau bagaimanapun, mazhab Maliki menghukumkan makruh membaca mushaf al-Quran dalam solat fardhu dan solat sunat. Manakala ulama mazhab Hanafi telah berselisih pendapat di antara mereka. Imam Abu Hanifah menghukumkan batal solatnya dengan melakukan perbuatan tersebut, manakala dua orang sahabatnya yang lain mengikut pendapat imam Maliki.

⁷⁴ Al-Majmu', Imam An-Nawawi, 4/27.

⁷⁵ Matholib Ulin Nuha, Ar-Rahibani, 1/483-484.

Oleh itu, berdasarkan huraian di atas, kita lebih cenderung mengikut mazhab kebanyakan ulama iaitu membaca al-Quran dengan melihat mushaf di dalam solat dibolehkan dan tidak berdosa hukumnya. Wallahu a'lam.

RUJUKAN

BIL	NAMA KITAB	PENULIS	PENERBIT
1.	Ihya' Ulumiddin	Abu Hamid Al-Ghazali	Thob'ah Al-Azhariah
2.	Al-Adab As-Syar'iyah	Muhammad bin Muflih bin Muhammad Al-Maqdisi	Aalamul Kutub
3.	Al-Arbain	Mohammad bin Abdullah Al-Hakim	Dar Ihya' At-Thuras
4.	Irghamul Mubtadi' Al-Ghabyi	Abdullah bin Muhammad bin As-Siddiq Al-Ghomari	Maktabah Al-Qahirah
5.	Al-Isti'ab	Yusof bin Abdullah bin Muhammad bin Abdel Bar	Darul Jail
6.	Al-Islam Ruhul Madaniyah	Mustaffa AL-Ghalayini	Darul 'Adzam
7.	Al-Islam Aqidah wa Syari'ah	Mahmud Shaltut	Darul Qalam
8.	Al-Islam wan- Nasroniyah	Muhammad Abduh	Darul Hadathah
9.	Asnal Matholib	Zakaria bin Muhammad bin Zakaria Al-Anshori	Darul Kutub Al-Islami
10.	Al-Asybah wan- Nadzoir	Abdul Rahman bin Abi Bakar bin Muhammad As-Suyuthi	Darul Kutub Al-Ilmiah
11.	Al-Ishobah	Ahmad bin Ali bin Hajar Al-'Asqalani	Darul Jail
12.	I'lamul Muqi'in	Muhammad bin Abi Bakar Az-Zar'i (Ibnu Qaiyim Al-jauziyah)	Darul Kutub Al-Ilmiah
13.	Al-Iktil Syarah Mukhtashar Al-Khalil	Muhammad bin Yusof Al-'Abdari (Al-Mauwaq)	Darul Kutub Al-Ilmiah
14.	Al-Um	Muhammad bin Idris As-Syafi'e	Darul Ma'rifah
15.	Amailil Azkar	Ahmad bin Ali bin Hajar Al-'Asqalani	Muassasah Qurthubah
16.	Al-Inshaf	Ali bin Sulaiman bin Ahmad Al-Mardawi	Dar Ihya' At-Thuras Al-'Arabi
17.	Al-Bahrur Raa'iq	Zainuddin bin Ibrahim (Ibnu Najim)	Darul Kitab Al-Islami
18.	Al-Bahrur Zakhhar	Ahmad bin yahya bin Murtadha	Darul Kitab Al-Islami
19.	Badai' As-Shonai'	Maasud bin Ahmad Al-Kasani	Darul Kutub Ilmiah
20.	Al-Bidayah wan- Nihayah	Ismail bin Amru bin Kathir	Mathba'ah As-Sa'adah
21.	Tarikh At-Thobari	Muhammad bin Jarir bin Yazid At-Thobari	Darul Kutub Ilmiah
22.	Tarikh Al-Maqrizi	Al-Maqrizi	Dar Shodir
23.	Tarikh Baghdad	Abu Bakar Al-Khathhib Al-Baghdadi	Darul Kutub Ilmiah
24.	Tabyinul Haqaiq	Othman bin Ali Az-Zaila'i	Darul Kitab Al-Islami
25.	Tuhfah Al-Ahwadzi	Mohamed bin Abd. Rahman bin Al-Mubarakfuri	Darul Kutub Al-Ilmiah
26.	Tuhfatul Habib (Hasyiah Al-Bijirmi)	Sulaiman bin Muhamed Al-Bijirmi	Darul Fikr
27.	Tuhfatuz Zakirin	Muhamed bin Ali As-Syaukani	Mathba'ah Al-Babil halabi
28.	Takhrrij Ahadis Al-Ihya'	Abdul Rahim bin Hussin Al-Hafiz Al-Iraqi	Darul 'Ashimah bin Ar-Riyadh
29.	Tartib Al-Madarik	Al-Qadhi Iyadh	Dar maktabah Al-Hayat
30.	At-Targhib	Abdul 'adzim bin Abdul Qawiy	Darul Kutub Al-Ilmiah

31.	wat-Tarhib At-Ta'liq 'Ala Sohih Ibnu Huzaimah	Mohamed Nasiruddin Al-Albani	Maktabab Al-Ma'arif
32.	Tafsir At-Thobari	Muhamed bin Jarir bin Yazid At-Thobari	Darul Fikr
33.	Tafsir Al-Quran Al-'Adzim	Ismail bin Amru bin Kathir Ad-Dimasyqi	Darul Fikr
34.	Tafsir Al-Qurthubi	Muhamed bin Ahmad bin Abu Bakar Al-Qurthubi	Darul Fikr
35.	Tafsir Al-Kabir	Imam Fakhrurrazi	Darul Fikr
36.	At-Taqrir Wat-Tahbir	Muhamed bin Muhamed Al-'Abdari (Ibnu Al-Haj)	Darul Kutub Al-Ilmiah
37.	At-Talkhish Al-Habir	Ahmad bin Ali bin Hajar Al-'Asqalani	Mu'assasah Qurthubah
38.	Tanwirul halak	Abdul Rahman bin Abu Bakar bin Muhamed As-Suyuthi	Jawami'ul Kalim
39.	Tahzibul Asma' Wal-Lughat	Yahya Syarafuddin An-Nawawi	Al-Mathba'ah Al-Muniriyyah
40.	Al-Jami'us Shoghir	Abdul Rahman bin Abu Bakar bin Muhamed As-Suyuthi	Dar Thoirul Ilmi
41.	Jamiul Ulum Wal- Hikam	Abdul Rahman bin Ahmad bin Rejab Al-Hambali	Darul Ma'rifah
42.	Jami' Bayanil Ilmi Wafadhlihi	Yusof bin Abdelbar An-Namiri Al-Qurthubi	Al-maktabah As-Salafiyah
43.	Al-jauharul Munazzam	Ahmad bin Muhamed bin Ali bin Hajar Al-haitami	Jawamiul Kalim
44.	Hasyiah Ibnu Qasim 'Ala Tuhfatil Muhtaj	Ibnu Qasim Al-'Ibadi	Dar Ihyaait Thurath Al-Arabi
45.	Hasyiah Ar-Ramli 'Ala Asnal Matholib	Ahmad bin Ahmad Ar-ramli	Darul Kitab Al-Islami
46.	Hasyiah As-Sindi	Ibnu Abdul hadi Abul Hassan As-Sindi	Maktabah Al-Mathbu'aat Al-Islamiah
47.	Hasyiah As-Syarwani 'Ala Tuhfatil Muhtaj	Abdul Hamid As-Syarwani	Dar Ihya' At-Thutath Al-Arabi
48.	Husnul Maqsadi Fi Amalil maulid	Abdul Rahman bin Abu Bakar bin Muhamed As-Suyuthi	Jawamiul Kalim
49.	Hadharatul Arab	Gustap Lubun	Mustaffa Al-Halabi
50.	Haqaiqul Islam Wa- Abathili Hushumihi	Abas Mahmud AL-'Aqqad	Al-hai'ah Al-Misriyah Liikkitab
51.	Hilyah Al-Auliya'	Abu Naim Ahmad bin Abdullah Al-Asbihani	Darul Kitab Al-Arabi
52.	Ad-Darrul Mukhtar	Al-hashfaki	Darul Kitab Al-Ilmiyah
53.	Ad-Da'wat Al-Kabir	Ahmad bin Hussin bin Ali Al-Baihaqi	Markazul Makhthuthat
54.	Daqaiq Ulin Nuha	Mansur bin Yunus al-Bahuti	Alamul Kutub
55.	Ad-Dibaj Al-Mazhab	Ibnuu Farhun	Al-maktabah At-Thurath
56.	Rahmatul Ummah fi lkhtilafil Aimmah	Muhammad bin Abd Rahman bin Al-Husin as-Shafdi	Darul Fikr
57.	Raddul Mukhtar ala Ad-Durriil Mukhtar	Mohammad Amin bin Umar (Ibnuu Abidin)	Darul Kutub Al-Ilmiyah
58.	Ar-Ruh	Muhammad bin Abu Bakar Az-Zar'i (Ibnuu Al-Qaiyim Al-Jauziyah)	Maktabah Nashir
59.	Az-Zuhd	Ahmad bin Amru bin Abi 'Ashim	Dar Ar-Raiyyan
60.	Az-Zuhd	Ahmad bin Hanbal	Ummul Qura
61.	Subulus Salam	Muhammad bin Ismail Al-Kahlani	Darul Hadis

62.	As-Sunan	As-Shon'aani Abu Uthman Said bin Mansur Al-Kharasani	Ad-Dar As-Salafiyah
63.	Sunan Ibnu Majah	Muhammad bin Yazid Al-Qazwini (Ibnu Majah)	Dar Al-Fikr
64.	Sunan Abi Daud	Sulaiman bin Al-Asy'ath As-Sajastani	Dar Al-Fikr
65.	Sunan Al-baihaqi As-Shughra	Ahmad bin Al-Husin bin Ali Al-baihaqi	Maktabah Ad-Dar
66.	Sunan Al-baihaqi Al-Kubra	Ahmad bin Al-Husin bin Ali Al-baihaqi	Dar Al-Baz
67.	Sunan At-Tirmizi	Muhammad bin Isa As-Salami At-Tirmizi	Dar Ihya' At-Turath
68.	Sunan Dar Al-Quthni	Ali bin Amru Ad-Darul Quthni Al-Baghdadi	Dar Al-Ma'rifah
69.	Sunan Ad-Darimi	Abdullah bin Abd Rahman Ad-Darimi	Dar Al-Kitab Al-Arabi
70.	As-Sunan As- Shughra lil Baihaqi	Ahmad bin Husin bin Ali Al-Baihaqi	Maktabah Ad-Dar
71.	As-Sunan Al-Kubra	Ahmad bin Syuib An-Nasa'i	Dar Al-Kitab Al-Ilmiah
72.	As-Sunan An-Nasa'i (Al-Mujtaba)	Ahmad bin Syuib An-Nasa'i	Maktabah Al-Mathbu'at Al-Islamiah
73.	Sairu A'lam An-Nubala'	Muhammad bin Ahmad bin Uthman bin Qaimaz Az-Zahabi	Muassasah Ar-Risalah
74.	As-Sirah Al-Halabiyah	Ali bin Burhanuddin Al-Halabi	Mathba'ah Mustaffa Al-Babi Al-Halabi
75.	As-Sirah Ilbnui Hisyam	Abdul Malik bin Hisyam bin Ayub	Dar Al-Jaial
76.	As-Sailul Jarar	Mohammad bin Ali As-Syaukani	Al-Majlis Al-A'la Li Syuunil Islamiah
77.	Syajaratum Nur Az-Zakiyah	Muhammad bin Muhammad bin Makhluf	Dar Al-Kitab Al-Arabi
78.	Syarah As-Sair Al-Kabir	Muhammad bin Ahmad bin Abi Sahal As-sarkhasi	As-Syarikat As-Syarqiyah lil Iklanat
79.	As-Syarh Al-Shaghir	Ahmad bin Muhammad bin Ahmad Ad-Dardir Al-'Alawi	Dar Al-Ma'arif
80.	As-Syarhul Kabir	Ahmad bin Muhammad bin Ahmad Ad-Dardir Al-'Alawi	Darr Ihyak Al-Kutub Al-Arabiyyah
81.	Syarh Al-mawahib	Az-Zurqani	Al-mathba'ah Al-Azhariah
82.	Syarah An-Nail wa Syifa' Al-'Alil	Muhammad bin Yusof bin Isa Athfisy	Maktabah Al-Irsyad
83.	Syarah Sohih Muslim li An-Nawawi	Yahya bin Syaraf An-Nawawi	Dar Ihya' At-Thurath
84.	Syarah Minhaj At- Tholibin	Jalaluddin Al-Mahalli	Dar Ihya' Al-Kutub Al-Arabiyyah
85.	Sya'bul Iman	Ahmad bin Al-Husin bin Ali Al-baihaqi	Dar Al-Kutub Al-Ilmiah
86.	As-Safa'	Abu Al-Fadhli 'Iyadh	Al-Maktabah At-Tijariyah
87.	Syifa' As-Saqam	Tajuddin As-Subki	Dar Al-Kutub Al-Ilmiah
88.	Ashorim Al-Maslul	Ahmad bin Abd Halim bin Taimiyah	Maktabah Taj
89.	Sohih Ibnu Hibban	Mohammad bin Hibban At-tamimi	Muassasah Ar-Risalah
90.	Sohih Ibnu Huzaimah	Muhammad bin Ishak As-Salami An-Naisaburi	Al-Maktab Al-Islami
91.	Sohih Al-Bukhari	Muhammad bin Ismail Al-Bukhari	Dar Ibnu Kathir
92.	Sohih Muslim	Muslim bin Al-hajjaj An-Naisaburi	Dar Ihya' At-Thurath Al-Arabi
93.	Thobaqat	Tajuddin As-Subki	Maktabah Isa Al-babi

	As-Syafi'iyah		Al-halabi
94.	At-Thobaqat Al-Kubra	Mohammad bin Saad bin Muni' Al-Bashri	Dar Shodir
95.	Thorhu At-Tathrib	Abd Rahim bin Al-Husin Al-Iraqi	Dar Ihya' Al-Kutub Al-Arabiyyah Masktabah Ala'
96.	Al-Aqidah At-Thohawiyah	Al-Imam At-Thohawi	
97.	Amal Al-Yaum wa Al-Lailah	Abu Bakar bin As-Sunni	Maktabah At-Thurath
98.	Al-Inayah Syarh Al-Hidayah	Muhammad bin Muhammad bin Mahmud Al-Babarti	Dar Al-Fikr
99.	Al-'Awashim Minal Qawashim	Abu Bakar bin Al-Arabi	Al-maktabah As-Salafiyah
100.	Ghidzaul Albab	Muhammad bin Ahmad bin Salim As-Safaraini	Mu'assasah Qurthubah
101.	Al-Ghurarul Bahiyah	As-Syith Zakaria Al-Anshori	Al-Mathba'ah Al-Yamaniyyah Dar Al-Ma'rifah
102.	Al-Fatawa Al-Hadithiyah	Ahmad bin Muhammad bin Ali bin Hajar Al-Haitami	
103.	Fatawa Ar-Ramli	Ahmad bin Ahmad Ar-Ramli	Al-Maktabah Al-Islamiyyah
104.	Al-Fatawa Al-Fiqhiyyah Al-Kubra	Ahmad bin Muhammad bin Ali bin Hajar Al-Haitami	Al-Maktabah Al-Islamiyyah
105.	Al-Fatawa Al-Kubra	Ahmad bin Abd Halim bin Taimiyah	Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah
106.	Al-Fatawa Al-Hindiyah	Lunjah Ulama Biriaasati Nizamuddin Al-Bulkhi	Dar Al-Fikr
107.	Fath Al-Bari	Ahmad bin Ali bin Hajar Al-'Asqolani	Dar Al-Ma'rifah
108.	Fath Al-Bari li Ibnuu Rejab	Abu Al-Faraj bin Rejab Al-Hanbali	Maktabah Al-Gurabak Al-Athariyyah
109.	Fath Al-Ali Al-Malik	Muhammad bin Ahmad bin Muhammad al-Ma'ruf ('Alisy)	Dar Al-Ma'rifah
110.	Futuhah Al-Wahhab (Hasyiah Al-Jamal)	Sulaiman bin Mansur Al-'Ajili (Al-Jamal)	Dar Al-Fikr
111.	Al-Furu'	Muhammad bin Muffih bin Muhammad Al-Maqdisi	Alam Al-Kutub
112.	Al-Fawakih Ad-Dawani	Ahmad bin Ghanim bin Salim bin Mihna An-Nafrawi	Dar Al-Fikr
113.	Faid Al-Qadir	Abdul Rauf Al-Munawi	Al-maktabah At-Tijariyyah Al-Kubra
114.	Qawa'id Al-Ahkam fi Masholih Al-Anam	Izzuddin bin Abdul Salam As-Sulami	Maktabah Al-Kulliyah Al-Azhariyyah
115.	Al-kamil fi Dhu'afaa' Ar-Rijal	Abdullah bin 'Adiy bin Abdullah Al-Jurjani	Dar Al-Fikr
116.	Kassiyaf Al-Qina'	Mansur bin Yunos Al-Bahuti	Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah
117.	Kasyfu Al-Khafa'	Ismail bin Muhammad Al-'Ajluni Al-Jarrahi	Muassasah Ar-Risalah
118.	Lisan Al-Arab	Jamaluddin Muhammad Ibnuu Mandzur	At-Tho'ah Al-Amiriyah bi Bulaq
119.	Lam'ah Al-'itiqad	Abu Muhammad bin Quddamah Al-Maqdisi	Al-Maktab Al-Islami
120.	Al-Mabshut	Muhammad bin Ahmad bin Abi Sahal As-Sarkhasi	Dar Al-Ma'rifah
121.	Al-Muttajir Ar-Rabih	Abu Muhammad Syarafuddin Ad-Dimyathi	Dar Al-Fikr
122.	Majma' Az-Zawaid	Ali bin Abu Bakar Al-Haithami	Dar Al-Kitab Al-Arabi
123.	Al-Majmu'	Yahya bin Syaraf An-Nawawi	Matba'ah Al-Muniriyyah

124.	Majmuk Al-Fatawa	Ahmad bin Abd Halim bin taimiyah	Majma' Al-Malik Fahad
125.	Mahasin At-Ta'wil (Tafsir Al-Qasimi)	Muhammad Jamaluddin Al-Qasimi	Dar Ihya' Al-Kutub Al-Arabiyyah
126.	Al-Mahalli	Ali bin Ahmad bin Said bin Hazam	Dar Al-Fikr
127.	Mukhtar As-Shohhah	Muhammad bin Abu bakar bin Abd Kadir	Al-Mathba'ah Al-Khairiyah
128.	Al-Madkhal	Muhammad bin Muhammad Al-Abdari (Ibnuu Al-Haj)	Dar At-Thurath
129.	Mursyid Al-Ha-ir	Abdullah bin Muhammad bin As-Shiddiq Al-Ghomari	Maktabah Al-Qahirah
130.	Al-Mustadrak 'Ala As-Sohihain	Muhammad bin Abdullah Al-Hakim	Dar Al-Kutub Al-Ilmiyah
131.	Musnad Abu Ya'la	Abu Ya'la Ahmad bin Ali bin Al-Muthni At-Tamimi	Dar Al-Ma'mun li At-Thurath
132.	Musnad Ahmad	Al-Imam Ahmad bin Hanbal	Muassasah Qurthubah
133.	Musnad Al-Bazzar	Ahmad bin Amru bin Abd Khaliq Al-Bazzar	Muassasah Ulum Al-Quran
134.	Musnad Al-Harith bi Zawaid Al-Haithami	Al-harith bin Usamah wal Hufadz Al-haithami	Markaz Khidmat As-Sunnah wa As-Sirah
135.	Musnad As-Syasyi	Abu Said bin Al-Haitham bin Kulaib	Maktabah Al-Ulum wa Al-Hikam
136.	Musnad As-Syihab	Muhammad bin Salamah bin Ja'far Al-Qadha'ie	Muassasah Ar-Risalah
137.	Musnad Al-Firdaus bi Ma'thur Al-Khithab	Syiruih bin Syahradar bin Syiruih Ad-Dailami	Dar Al-Kutub Al-Ilmiyah
138.	Al-Musnad Al-Mustakhrij	Ahmad bin Abdullah bin Ishak Al-Ashbihani	Al-Kutub Al-Ilmiyah
139.	Misbah Az-Zujajah	Ahmad bin Abi Bakar bin Ismail Al-Kannani	Dar Al-Arabiyyah
140.	Mushannif Ibnui Abi Syaibah	Abdullah bin Muhammad bin Abi Syaibah Al-Kufi	Maktabah Ar-Rushd
141.	Mushannif Abd Razak	Abd razak bin Humam As-Shon'ani	Al-Maktab Al-Islami
142.	Muthalib Ulin Nuha	Mustaffa bin Saad bin Abduh Ar-Rahibani	Al-Maktab Al-Islami
143.	Mu'thasar Al-Mukhtashar	Yusof bin Muhammad Al-Hanafi	Alam Al-Kutub
144.	Al-Mu'jam Al-Washit	Sulaiman bin Ahmad bin Ayub At-Thobrani	Dar Al-Haramain
145.	Al-Mu'jam As-Shoghir	Sulaiman bin Ahmad bin Ayub At-Thobrani	Dar 'Ammar
146.	Al-Mu'jam Al-Kabir	Sulaiman bin Ahmad bin Ayub At-Thobrani	Maktabah Al-Ulum wa Al-Hikam
147.	Mu'id An-Ni'am wa Mubid Aln-Niqam	Tajuddin As-Subki	Dar Al-Kitab Al-Arabi
148.	Al-Mughni	Abdullah bin Ahmad bin Qudamah	Dar Ihya' At-Thurath
149.	Manaqib As-Syafie	Ahmad bin Al-Husin bin Ali Al-Baihaqi	Dar At-Thurath
150.	Mahu Al-Jalil Syarah Mukhtashar Al-Khalil	Muhammad bin Ahmad bin Muhammad ('Ulaisy)	Dar Al-Fikr
151.	Al-Muafaqat	As-Shathibi	Mathba'ah Muhammadiyah
152.	Mawahib Al-Jalil	Muhammad bin Muhammad bin Abd Rahman (Al-Hithab)	Dar Al-Fikr
153.	Al-Mausu'ah Al-Fiqhiyah	Wazarah Al-Auqaf Al-Islamiyah bin Al-Kuit	Wazarah Al-Auqaf
154.	Al-Maudhu'at	Al-Hasan bin Muhammad bin	Dar Al-Ma'mun At-Thurath

155.	Al-Muwatha'	Al-Hasan Al-Qurasyi As-Shon'ani	
156.	An-Nihayah	Al-Imam Malik bin Anas	Dar Ihya' At-Thurath
157.	Nihayah Al-Muhtaj Syarah Al-Minhaj	Ibnu Al-Athir	Al-Mathba'ah Al-Khairiyah
		Ahmad bin Ahmad Ar-Ramli	Dar Al-Fikr
158.	Nail Al-Authar	Muhammad bin Ali As-Syaukani	Dar Al-Hadis
159.	Al-Hidayah	Abu Bakar bin Ali Ar-rasydani	Dar Al-Fikr
		Al-Mirghinani	
160.	Wafa' Al-Wafa'	Ali bin As-Saiyid As-Syarif	Mathbaah Al-Adab
		As-Samhudi	
161.	At-Taqrir As-Sanawi (Qamus Al-Mar'ah)	Ma'had Ad-Dirasat Ad-Dauliyah li Al-Mar'ah (Medrid)	Ma'had Ad-Dirasat Ad-Dauliyah
162.	Taqrir Lujnah Al- Kongres li Tahqiq Jaraim Al-Ahdath	(Akhlaq Al-Mujtama' Al-Amriki Al-Munharah) (Al-Mujtama' Al-'Ari bi Al-Wathaiq wa Al-Arqam)	Lujnah Al-Kongres li Tahqiq Jaraim Al-Ahdath